Hadiah Razzaz Al-Jazari

Pengajian Kejuruteraan

Pengenalan

Tujuan pengajian prasiswazah kejuruteraan dan alam bina ialah menghasilkan para jurutera dan arkitek yang menggunakan pengetahuan saintifik untuk menjana kekayaan yang meningkatkan taraf kehidupan. Justeru itu, jurutera perlu bersikap inovatif, kreatif dan beretika tinggi dalam merekacipta dan mengeluarkan bahan-bahan keperluan masyarakat seperti kenderaan, jambatan, bekalan air, alat-alat perhubungan dan bangunan. Usaha ini adalah sejajar dengan wawasan 2020 yang mencabar para jurutera dan arkitek untuk membangunkan Malaysia sebagai Negara Industri yang berteknologi tinggi serta bermoral dan beretika tinggi.

Pengajian kejuruteraan mengarah kepada pemikiran yang luas dan kreatif. Graduan-graduan yang dilahirkan mempunyai peluang kerjaya yang baik dan bersesuaian dengan keperluan semasa.

Objektif

Menyedari akan keperluan dan kehendak pihak-pihak berkepentingan, fakulti menetapkan objektif (jangka panjang) berikut untuk para graduannya:

1. Graduan yang mempunyai ilmu asas yang mencukupi untuk berperanan sebagai seorang jurutera dan arkitek dengan cekap.
2. Graduan yang memahami, bersikap profesional dan beretika terhadap kewajipannya kepada Pencipta, pelanggan dan masyarakat.
3. Graduan yang akan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam bidang kejuruteraan dan alam bina serta dalam masa yang sama mahir berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris.
4. Graduan yang mampu menyesuaikan diri dalam suasana kerja antarabangsa/global.
5. Graduan yang mampu memimpin organisasi kejuruteraan dan alam bina berdasarkan ilmu dan pengalaman.
6. Graduan yang mampu menjalankan penyelidikan dalam bidang kejuruteraan sama ada di peringkat pasca siswazah atau di dalam organisasi masing-masing.

Hasil Pembelajaran / Program Outcomes (PO)

Di samping objektif yang dinyatakan di atas, fakulti juga menetapkan beberapa hasil pembelajaran yang seharusnya dicapai oleh para graduan semasa mereka berada di peringkat universiti dan pada masa mendapat ijazah:-

1. Berkebolehan untuk mendapatkan dan mengaplikasikan ilmu pengetahuan asas sains, kejuruteraan dan alam bina.

2. Berkebolehan untuk berkomunikasi secara efektif bukan sahaja dengan para jurutera dan arkitek malahan juga dengan masyarakat umum.
3. Mempunyai kemahiran teknikal yang mendalam dalam bidang pengkhususan masing-masing.
4. Berkebolehan untuk mengenalpasti masalah kejuruteraan dan alam bina serta mendapatkan penyelesaian bagi masalah tersebut.
5. Berkebolehan untuk menggunakan pendekatan sistem dalam merekabentuk dan menilai prestasi operasi.
6. Berkebolehan untuk berfungsi secara efektif secara individu dan di dalam kumpulan dengan kemampuan untuk menjadi ketua atau pengurus, begitu juga sebagai seorang ahli kumpulan yang efektif.
7. Memahami tanggungjawab sebagai seorang jurutera dan arkitek professional dalam aspek sosial, budaya, global, dan alam sekitar serta keperluan bagi pembangunan lestari.
8. Mempunyai jangkaan terhadap keperluan untuk menjalani pembelajaran berterusan, dan mempunyai kapasiti untuk berbuat demikian.
9. Berkebolehan merekabentuk dan menjalankan ujikaji, serta mampu menganalisa dan menginterpretasikan data.
10. Berkebolehan untuk berfungsi dalam kumpulan pelbagai disiplin.
11. Mempunyai pengetahuan tentang isu-isu semasa yang berkaitan dengan bidang.
12. Berkebolehan untuk menggunakan teknik-teknik, kemahiran dan alat-alat moden dalam amalan kejuruteraan.

1. Nama Program

- 1.1 Fakulti Kejuruteraan menawarkan pelbagai program pengajian Kejuruteraan dan Alam Bina melalui lima Jabatan seperti berikut:

1.1.1 Jabatan Kejuruteraan Awam dan Struktur

- ◆ Program Sarjanamuda Kejuruteraan Awam dan Struktur.
- ◆ Program Sarjanamuda Kejuruteraan Awam dan Sekitaran.

1.1.2 Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem

- ◆ Program Sarjanamuda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.
- ◆ Program Sarjanamuda Kejuruteraan Mikroelektronik.
- ◆ Program Sarjanamuda Kejuruteraan Komunikasi dan Komputer.

1.1.3 Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Proses

- ◆ Program Sarjanamuda Kejuruteraan Kimia.
- ◆ Program Sarjanamuda Kejuruteraan Biokimia.

1.1.4 Jabatan Kejuruteraan Mekanik dan Bahan

- ◆ Program Sarjanamuda Kejuruteraan Mekanikal.
- ◆ Program Sarjanamuda Kejuruteraan Pembuatan.

1.1.5 Jabatan Seni Bina

- ◆ Program Sarjanamuda Sains Seni Bina.
- ◆ Program Sarjanamuda Seni Bina.

1.2 Ijazah

Ijazah yang akan dikurniakan selepas mengikuti program 1.1.1 - 1.1.4 adalah **Ijazah Sarjanamuda Kejuruteraan dengan Kepujian.**

Ijazah yang akan dikurniakan selepas mengikuti program 1.1.5 adalah **Ijazah Sarjanamuda Sains Seni Bina dengan Kepujian.**
Ijazah Sarjanamuda Seni Bina dengan Kepujian.

1.2.1 Sistem Pengajian

Fakulti ini mengamalkan sistem semester. Sistem ini membahagikan satu-satu sesi akademik kepada dua tempoh pengajian yang sama panjang dan tersendiri. Satu semester terdiri dari beberapa minggu kuliah, tutoran, makmal dan sebagainya, minggu kelepasan pertengahan semester dan peperiksaan. Dalam sistem ini, pelajar mengumpul bilangan unit yang diperlukan untuk mendapat ijazah dalam tempoh yang dibenarkan.

1.2.2 Tempoh Pengajian

Tempoh minimum adalah tujuh (7) semester dan tempoh maksimum adalah dua belas (12) semester, tertakluk kepada peraturan yang ada.

2. Skop/Struktur Pengajian

Pelajar perlu mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya 132-139 unit seperti berikut:

2.1 Kursus Universiti

2.1.1 Pelajar perlu mengambil dan lulus sekurang-kurangnya **dua belas (12)** unit Kursus Universiti yang terdiri daripada **sepuluh (10)** unit kursus Pusat Pengajian Umum seperti yang ditetapkan oleh Senat seperti berikut:

2.1.1.1 Empat (4) unit kursus Penghayatan Falsafah Pendidikan berteraskan Nilai-nilai Mulia (U1) seperti berikut:

- ◆ Kenegaraan dan Tamadun (TITAS) – Wajib
- ◆ Peradaban;
- ◆ Sejarah Sains;

2.1.1.2 Tiga (3) unit kursus U2 (Kemahiran Berfikir dan Berorganisasi).

2.1.1.3 Tiga (3) unit kursus U3 (Keluasan Ilmu Pengetahuan).KF3283 Etika Kejuruteraan dan Perkembangan Teknologi (setara dengan U3).

2.1.2 Ko-Kurikulum (HC/HL/HP/HM)

Seperti yang ditetapkan oleh Senat.

2.2 Kursus Wajib Fakulti (WF)

Pelajar perlu mengambil dan lulus sekurang-kurangnya **Lima Puluh Satu (51)** unit kursus wajib Fakulti seperti yang telah ditetapkan.

2.3 Kursus Wajib Jabatan (WJ)

Pelajar perlu mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya sejumlah unit kursus Wajib Jabatan mengikut bidang pengkhususan masing-masing.
Komponen Kurikulum Program adalah seperti berikut:

KOMPONEN		UNIT
1. Kursus Universiti		12
i. Kursus Pusat Pengajian Umum		
•Penghayatan Falsafah Pendidikan berteraskan Nilai-Nilai Mulia (U1)		4
•Kemahiran Berfikir dan Berorganisasi(U2)		3
•Etika Kejuruteraan & Perkembangan Teknologi (Setara dengan U3)		3
ii. Kursus Kokurikulum		2
2. Kursus Wajib Fakulti		51
3. Kursus Jabatan		57-73 (mengikut Jabatan)
4. Kursus Pilihan Fakulti/Jabatan		3-12 (mengikut Jabatan)

JUMLAH	132-139 (seperti pada Jadual)
---------------	--------------------------------------

UNIT PERLU	K A	K S	K B	K K	K C	K T	K Z	K M	K P
W F (W AJIB FAKULTI)	51	51	51	51	51	51	51	51	51
W J (W AJIB JABATAN)	69	69	73	70	66	63	63	57	60
P (PILIHAN)	6	6	3	6	3	6	9	12	9
U C (KO-KURIKULUM)	2	2	2	2	2	2	2	2	2
KURSUS PPU									
U 1 (NILAI-NILAI MULIA)	4	4	4	4	4	4	4	4	4
U 2 (KEMAHIRAN BERFIKIR & BERORGANISASI)	3	3	3	3	3	3	3	3	3
U 3 (DISETARAKAN DENGAN KURSUS KF3283-ETIKA KEJURUTERAAN DAN PERKEMBANGAN TEKNOLOGI)	3	3	3	3	3	3	3	3	3
JUMLAH	138	138	139	139	132	132	135	132	132

Pengajian Seni Bina

Pengenalan

Tujuan pengajian prasiswazah seni bina ialah menghasilkan para arkitek yang menggunakan pengetahuan saintifik untuk menjana ekonomi yang meningkatkan taraf kehidupan. Justeru itu, arkitek perlu bersikap inovatif, kreatif dan beretika tinggi dalam mereka-cipta dan menghasilkan idea-idea rekabentuk untuk keperluan masyarakat seperti bangunan, jambatan, alat-alat perhubungan dan kawasan-kawasan riadah. Usaha ini adalah sejajar dengan wawasan 2020 yang mencabar para arkitek untuk membangunkan Malaysia sebagai Negara Industri yang berteknologi tinggi serta bermoral dan beretika tinggi.

Pengajian seni bina mengarah kepada pemikiran yang sintesis dan kreatif. Graduan-graduan yang dilahirkan mempunyai peluang kerjaya yang baik dan bersesuaian dengan keperluan semasa.

1. Nama Program

- 1.1 Fakulti Kejuruteraan menawarkan program pengajian Seni Bina melalui Jabatan Seni Bina.

1.1.1 Jabatan Seni Bina

- ◆ Program Sarjanamuda Sains Seni Bina.
- ◆ Program Sarjanamuda Seni Bina

1.2 Ijazah

Ijazah yang akan dikurniakan selepas mengikuti program ini adalah

- ◆ **Ijazah Sarjanamuda Sains Seni Bina dengan Kepujian.**
- ◆ **Ijazah Sarjanamuda Seni Bina dengan Kepujian.**

1.2.1 Sistem Pengajian

Fakulti ini mengamalkan sistem semester. Sistem ini membahagikan satu-satu sesi akademik kepada dua tempoh pengajian yang sama panjang dan tersendiri. Satu semester terdiri dari beberapa minggu kuliah, tutoran, makmal dan sebagainya, minggu kelepasan pertengahan semester dan peperiksaan. Dalam sistem ini, pelajar menggumpul bilangan unit yang diperlukan untuk mendapat ijazah dalam tempoh yang dibenarkan.

1.2.2 Tempoh Pengajian

- ◆ Program Sarjanamuda Sains Seni Bina
Tempoh minimum adalah lima (5) semester dan tempoh maksimum adalah sepuluh (10) semester, tertakluk kepada peraturan yang ada.
- ◆ Program Sarjanamuda Seni Bina
Tempoh minimum adalah tiga (3) semester dan tempoh maksimum adalah lapan (8) semester, tertakluk kepada peraturan yang ada.

2.0 Skop/Struktur Pengajian

- ◆ Program Sarjanamuda Sains Seni Bina
Pelajar perlu mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya 122 unit seperti di 2.1.
- ◆ Program Sarjanamuda Seni Bina
Pelajar perlu mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya 60 unit.

2.1 Kursus Universiti

2.1.1 Pelajar perlu mengambil dan lulus sekurang-kurangnya dua belas (12) unit Kursus Universiti yang terdiri daripada sepuluh (10) unit kursus Pusat Pengajian Umum seperti yang ditetapkan oleh Senat seperti berikut:

2.1.1.1 Empat (4) unit kursus Penghayatan Falsafah Pendidikan berteraskan Nilai-nilai Mulia Sejarah (U1) seperti berikut:

- i. Kenegaraan dan Tamadun (TITAS) - Wajib
- ii. Peradaban;
- iii. Sejarah Sains;

2.1.1.2 Tiga (3) unit kursus U2 (Kemahiran Berfikir dan Berorganisasi).

2.1.1.3 Tiga (3) unit kursus U3 (Keluasan Ilmu Pengetahuan). KF3283 Etika Kejuruteraan dan Perkembangan Teknologi (setara dengan U3).

2.1.2 Ko-Kurikulum (HC/HL/HP/HM)

Seperti yang ditetapkan oleh Senat.

2.2 Kursus Wajib Fakulti (WF)

Pelajar perlu mengambil dan lulus sekurang-kurangnya tiga (3) unit kursus wajib Fakulti seperti yang telah ditetapkan.

2.3 Kursus Wajib Jabatan (WJ)

- ◆ Program Sarjanamuda Sains Seni Bina
Pelajar perlu mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya 104 unit kursus Wajib Jabatan.
- ◆ Program Sarjanamuda Seni Bina
Pelajar perlu mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya 60 Unit Kursus Wajib Jabatan.

2.4 Kursus Pilihan

- ◆ Program Sarjanamuda Sains Seni Bina
Pelajar perlu mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya tiga (3) unit kursus Pilihan Jabatan.

Struktur Kursus

Sarjanamuda Kejuruteraan Kursus Fakulti/Universiti

Semester	Kod Kursus	Nama Kursus
I	H	Kokurikulum
	KKKF1133	Pengenalan Kepada Kejuruteraan
	KKKF1153	Sains Bahan
	KKKF1243	Pengaturcaraan Komputer
	KKKQ1113	Matematik Kejuruteraan 1 (Aljabar)
	ZT1032	Tamadun Islam & Tamadun Asia
II	KKKF1043	Asas Mekanik Gunaan
	KKKF1063	Pengenalan Kejuruteraan Elektrik
	KKKF1083	Pengenalan Termodinamik Kejuruteraan
	KKKQ1213	Matematik Kejuruteraan 2 (Kalkulus)
INTER- SESI	KKKF1173	Grafik Kejuruteraan
	KKKF1333	Kemahiran Kejuruteraan
	ZH2014	Foundation English (MUET Band 1 & 2)
III		Kursus PPU (U2)
	KKKQ2113	Matematik Kejuruteraan 3 (Persamaan Kebezaan 1)
IV	H	Kokurikulum
	KKKQ2013	Statistik Kejuruteraan (JKAS, JKCP & JKMB)
	KKKQ2213	Statistik & Pengiraan Berangka (JKEES)
	ZT1042	Hubungan Etnik
V	KKKQ3013	Pengiraan Berangka (JKAS, JKCP & JKMB)
	KKKQ3213	Analisis Kompleks (JKEES)
VI	KKKF3283	Etika Kejuruteraan & Perkembangan Teknologi
	ZH2073	English For Engineering
INTER- SESI	KKKF3066	Latihan Industri
VII	KKKF4133	Pengurusan Kejuruteraan
Kursus Elektif		
	KKKQ3113	Persamaan Kebezaan 2
	KKKQ4013	Kawalan Proses Berstatistik
	KKKQ4023	Komunikasi Untuk Jurutera

**Bachelor of Engineering
Faculty/University Courses**

Semester	Course Codes	Course Titles
I	H	Co-Curriculum
	KKKF1133	Introduction to Engineering
	KKKF1153	Material Science
	KKKF1243	Computer Programming
	KKKQ1113	Engineering Mathematics 1 (Algebra)
	ZT1032	Islamic & Asian Civilisation
II	KKKF1043	Basic Applied Mechanics
	KKKF1063	Introduction to Electrical Engineering
	KKKF1083	Introduction to Engineering Thermodynamics
	KKKQ1213	Engineering Mathematics 2 (Calculus)
INTER- SESI	KKKF1173	Engineering Graphics
	KKKF1333	Engineering Skills
	ZH2014	Foundation English (MUET Band 1 & 2)
III		PPU Course (U2)
	KKKQ2113	Engineering Mathematics 3 (Differential Equations 1)
IV	H	Co-Curriculum
	KKKQ2013	Engineering Statistics (JKAS, JKKP & JKMB)
	KKKQ2213	Statistics & Numerical Computation (JKEES)
	ZT1042	Ethnic Relation
V	KKKQ3013	Numerical Computation (JKAS, JKKP & JKMB)
	KKKQ3213	Complex Analysis (JKEES)
VI	KKKF3283	Engineering Ethics & Technology Development
	ZH2073	English for Engineering
INTER- SESI	KKKF3066	Industrial Training
VII	KKKF4133	Engineering Management
Elective Courses		
	KKKQ3113	Differential Equations 2
	KKKQ4013	Statistical Process Control
	KKKQ4023	Communication For Engineers

Silibus Kursus-kursus Asas Kejuruteraan

KKKF1043 Asas Mekanik Gunaan

Kursus ini meliputi tajuk-tajuk seperti daya sesatah, daya dalam ruang, daya paduan, vektor, komponen segiempat daya, keseimbangan zarah. Daya sistem setara, daya dalaman dan luaran, daya setara, momen daya pada satu titik, daraban vektor, momen gandingan. Rajah jasad bebas, keseimbangan dalam dua dimensi, keseimbangan dalam tiga dimensi, tindakbalas pada sambungan dan sokongan, tindak balas tak tentu statik. Analisis daya dengan kaedah sambungan, analisis daya dengan kaedah keratan, analisis kerangka, struktur mengandungi daya berbilang. Sentroid dan pusat graviti, pusat graviti jasad 2-D, sentroid bagi luas dan garis, penentuan sentroid dengan kamilan, pusat graviti jasad 3-D, sentroid isipadu, daya dan tekanan hidrostatik. Pelbagai jenis beban dan sokongan, kabel dengan daya tertumpu, kabel dengan daya teragih – parabola dan hiperbola. Hukum geseran kering, masalah berkaitan geseran kering, geseran tali sawat, geseran roda.

Bacaan Asas

R.C. Hibbeler. 2007. *Engineering Mechanics Statics*. 11th Edition SI Units. Prentice Hall. Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

J.L. Meriam & L.G. Kraige. 1998. *Engineering Mechanics: Statics*. 4th. ed. New York: John Wiley.

F.B. Beer dan E.R. Johnston. 1996. *Vector Mechanics for Engineers: Statics*. New York: Macgraw-Hill.

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	Outcomes Kursus (OK)	P O 1	P O 2	P O 3	P O 4	P O 5	P O 6	P O 7	P O 8	P O 9	P O 10	P O 11	P O 12
1	Kefahaman tentang konsep dan kepentingan mekanik gunaan		1									1	
2	Keupayaan untuk menyelesaikan pengiraan masalah kejuruteraan melalui analisa vektor daya	3		2	2								
3	Kefahaman tentang konsep rajah jasad bebas dan kebolehan menggunakan persamaan keseimbangan bagi zarah dan jasad tegar melalui pengiraan kejuruteraan.	3		2	2								
4	Kebolehan menganalisis momen dengan kaedah skalar dan darab silang melalui pengiraan kejuruteraan.	3		2	2								

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKF1063 Pengenalan Kejuruteraan Elektrik

Kursus pengenalan kepada semua pelajar kejuruteraan bertujuan memberi kefahaman tentang bidang-bidang yang ada dalam kejuruteraan elektrik serta membincangkan penggunaannya dalam rangka membolehkan pelajar memahami perkembangan masa depan bidang tersebut. Kursus ini meliputi perbincangan asas rangkaian elektrik arus terus dan ulang alik serta penggunaannya dalam memahami operasi sistem kuasa, peranti elektronik dan sistem digit.

Bacaan Asas

Hambley, A.R., 2002. *Electrical Engineering Principles and Applications*, Prentice-Hall, 2nd Edn..

Rizzoni, G., 2000, *Principle and Applications of Electrical Engineering*, 3rd Edn., McGraw Hill

Boylestad, R.L. dan Nashelsky, L., 1996. *Electronics: A Survey of Electrical Engineering Principles*, 4th Edn, Prentice-Hall.

Dorf R.C. dan Svoboda J.A., 1999: *Introduction to Electric Circuits*, 4th Edn, Wiley

Hughes, E., 1988. *Teknologi Elektrik*, Longman, London.

Patrick, D.R. dan Fardo, S.W., 1999. *Electricity and Electronics: A Survey*, 4th Edn, Prentice-Hall.

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	Outcomes Kursus (OK)	P O 1	P O 2	P O 3	P O 4	P O 5	P O 6	P O 7	P O 8	P O 9	P O 10	P O 11	P O 12
1	Berkebolehan membezakan sambungan litar, punca voltan-arus dan kuantiti A.T. dan A.U.	3		2	3								
2	Berkebolehan mengaplikasikan hukum dan teorem litar bagi analisis litar A.T. dan A.U.	3		2	3								
3	Berkebolehan menganalisis kuasa dalam litar AT dan A.U. (1-fasa dan 3-fasa)			2	3								
4	Memahami sistem pendawaian dan keselamatan elektrik	3		2	3			2					
5	Memahami asas sistem digit, mikropemproses dan komputer	3		2	3								
6	Memahami beberapa aplikasi litar elektrik (pengubah, bekalan kuasa, motor dan penjana)	3		2	3								

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi,

3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

7	Berkebolehan bekerjasama secara kumpulan mengkaji teknologi terkini berkaitan bidang kejuruteraan elektrik	3					3		2			3	
8	Memahami kaedah pengukuran dan antaramuka instrumentasi elektrik dan elektronik	3		2	3								
9	Memahami jenis dan kesan gangguan litar	2			2			3					
10	Berkebolehan bekerja secara kumpulan menggunakan peralatan makmal (meter pelbagai, osiloskop, bekalan kuasa dan penjana frekuensi)	2					2			3	3		
11	Berkebolehan bekerja secara kumpulan mengukur parameter isyarat (amplitud, frekuensi dll.) dan parameter litar (arus, voltan dan kuasa)	2					2			3	3		

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKF1083 Pengenalan Termodinamik Kejuruteraan

Kursus ini dimulai dengan perbincangan kepada konsep asas termodinamik seperti sistem, proses, kitaran, sifat, suhu dan tekanan. Kemudian, perbincangan diteruskan dengan zat tulen, proses pertukaran fasa, rajah dan jadual sifat. Seterusnya, prinsip hukum pertama termodinamik untuk sistem tertutup diperkenalkan. Prinsip yang sama digunakan untuk analisa sistem terbuka bagi peranti-peranti kejuruteraan seperti tarbin, pemampat dan pam, penukar haba dan paip. Pengenalan kepada hukum kedua termodinamik dan entropi seterusnya diperkenalkan dan digunakan dalam analisa kecekapan terma enjin haba seperti Carnot, Rankine dan analisis kitaran refrigerasi. Pengenalan asas terhadap pemindahan haba secara mantap melalui konduksi, perolakan dan sinaran turut dibincangkan.

Bacaan Asas

Cengel, Y. A. 2002. Introduction to Thermodynamics and Heat Transfer. New York: McGraw-Hill.

Cengel, Y. A. & Boles, M. A. 2006. Thermodynamics – An Engineering Approach. Ed. ke-5. New York: McGraw-Hill.

Moran, M. J. & Shapiro, H. N. 2004. Fundamentals of engineering thermodynamics. Ed. ke-5. New Jersey: John Wiley & Sons.

Sontag, R. E., Borgnakke, C. & Van Wylen, G. J. 2003. Fundamentals of thermodynamics. Ed. ke-6. New Jersey: John Wiley & Sons.

Myers, G. E. 1989. Engineering Thermodynamics. Englewood Cliffs: Prentice-Hall.

Matriks Hasil Pembelajaran

	<i>Outcomes</i> Kursus (OK)	P O 1	P O 2	P O 3	P O 4	P O 5	P O 6	P O 7	P O 8	P O 9	P O 10	P O 11	P O 12
1	Kefahaman tentang konsep asas termodinamik seperti suhu, tekanan, sistem, sifat, keadaan, proses, kitaran dan keseimbangan.	2		2					1				
2	Berkebolehan untuk menjalankan ujikaji berkaitan dengan pengukuran dan penentukuran suhu dan tekanan dalam kumpulan	2					1			2			
3	Keupayaan untuk membezakan sifat zat yang diperlukan berdasarkan rajah sifat dan mendapatkan data dari jadual sifat.	3											
4	Kefahaman tentang pemindahan tenaga melalui haba, kerja dan jisim bagi kedua-dua sistem tertutup dan isipadu terkawal.	2		1					1				
5	Keupayaan menggunakan Hukum Pertama Termodinamik dan Prinsip Keabadian Jisim yang diaplikasikan kepada sistem tertutup dan isipadu terkawal.	3		2	3					1			
6	Keupayaan untuk menggunakan Hukum Kedua Termodinamik dan entropi dalam menganalisa kecekapan terma enjin haba seperti Carnot, Rankine dan refrigerator melalui kitaran refrigerasi.	3		2	3	1				1			
7	Keupayaan untuk menggunakan konsep pemindahan haba secara mantap melalui pengaliran, olakan paksa dan tabii, sinaran	2			2				1				

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi,
3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKF1133 Pengenalan Kejuruteraan

Matlamat kursus ini ialah memberikan pengetahuan, kesedaran dan kefahaman kepada pelajar mengenai aspek profession sebagai jurutera. Pelajar akan diberi pendedahan kepada tiga perkara utama di dalam pembelajaran seseorang jurutera, iaitu: a) Pengenalan kepada

profesion kejuruteraan, b) Peningkatan kemahiran asas terhadap pembelajaran kejuruteraan, dan c) Asas matematik kejuruteraan. Dengan pemahaman dan penguasaan asas dan kemahiran ini, diharap pelajar akan lebih berkeyakinan untuk mengharungi pembelajaran kejuruteraan seterusnya. Kursus ini diharap akan dapat meningkatkan dan meyetarakan tahap pemahaman matematik di antara pelajar matrikulasi dengan pelajar STPM. Dalam kursus ini pembimbing akademik (PA) akan diberi peranan untuk membimbing dan menilai pelajar bimbingan (PB) dalam pencapaian sebahagian dari hasil pembelajaran program.

Bacaan Asas

- Saeed Moaveni. 2005. *Engineering Fundamentals: An Introduction to Engineering* (ed. 2). Nelson, Thomson Canada Limited.
- Harris, E.H., Pritchard, M.S. dan Rabins, M.J. 2005. *Engineering Ethics: Concepts and Cases* (ed. 3). Thomson Wadsworth, Belmont, USA.
- Anton, H., Bivens, I. dan Davis, S. 2003. *Calculus* (ed. 7), Wiley & Sons: New York.
- Schlein, A.M. 2002. *Find It Online* (ed. 3). Facts on Demand Press: Tempe, AZ.
- Chesla, E. 1999. *Critical Thinking for College Students*. Prentice Hall: New Jersey.
- The Institution of Engineers, Malaysia. 1995. *Engineering Professionalism and Ethics* (ed. 4). The Institution of Engineers, Malaysia: Petaling Jaya.
- Holtzapple, M.T. dan Reece, W.D. 2000. *Foundations of Engineering*. McGraw-Hill: Singapore.

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	Outcomes Kursus (OK)	P O 1	P O 2	P O 3	P O 4	P O 5	P O 6	P O 7	P O 8	P O 9	P O 10	P O 11	P O 12
1	Memahami ciri-ciri profession jurutera, mengetahui etika dan isu semasa kejuruteraan.	1						1	2			2	
2	Mengetahui kepentingan komunikasi yang berkesan dalam profession kejuruteraan	1	2					1					
3	Erkebolehan menggunakan perisian komputer Excel.	1	2						2				
4	Berkebolehan di dalam pengurusan masa, pembelajaran sendiri dan bekerja berkumpulan		1				1	1			1		
5	Berkebolehan mencari bahan rujukan dan maklumat kejuruteraan							1	2		1	2	
6	Memahami pengetahuan asas dan kepentingan matematik di dalam bidang kejuruteraan	1					1		2		1		

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKF1153 Sains Bahan

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada bahan-bahan yang lazim digunakan dalam kejuruteraan dengan menekankan hubungan di antara sifat bahan dengan struktur dalaman. Tajuk-tajuk yang diliputi termasuk: struktur dan ikatan atom, struktur pepejal hablur, sifat mekanik dan mekanisme penguatan, gambar rajah fasa dan rawatan haba, logam, seramik dan polimer dan aloi, bahan komposit, kakisan dan kemerosotan bahan dan pengenalan kepada sifat elektrik, terma dan optik. Perbincangan akan dibantu dengan kajian-kajian kes yang bersesuaian..

Bacaan Asas

Callister W.D. 2007. *Materials Science and Engineering: An Introduction*. 7th ed. New York: John Wiley.

Shackelford, J.F. 2005. *Introduction to Materials Science for Engineers*. 6th ed. New Jersey: Pearson Prentice Hall.

Smith W.F., Hashemi Javad, 2006 *Foundations of Materials Science and Engineering*, 4th ed. New York, Mc Graw Hill.

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	Outcomes Kursus (OK)	P O 1	P O 2	P O 3	P O 4	P O 5	P O 6	P O 7	P O 8	P O 9	P O 10	P O 11	P O 12
1	Kefahaman tentang asas pengklasifikasian bahan kepada lima jenis	3		3					1				
2	Kefahaman tentang teori model dan tenaga atom, serta daya-daya yang mengikat atom, ion dan molekul	3		3	1								
3	Kefahaman tentang struktur bahan hablur dan bahan tidak hablur	3		3	1								
4	Keupayaan untuk mengenalpasti parameter hablur dan hubungannya dengan sifat mekanik bahan	3		3	2								
5	Keupayaan untuk menggunakan data bagi mendapatkan sifat-sifat bahan seperti sifat mekanik, elektrik, haba dan lain-lain	3		3	3		2			2			
6	Kefahaman tentang kaedah yang boleh digunakan bagi mengubahsui sifat-sifat bahan berdasarkan ubahsui pada peringkat struktur dan juga pemprosesan dan mekanisma yang terlibat	3		3	3								
7	Kefahaman tentang struktur, sifat dan pemprosesan setiap kelas bahan.	3		3	1								
8	Kefahaman tentang asas pemilihan bahan untuk sesuatu kegunaan kejuruteraan	3		3	3			2	1			3	

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi,

3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKF1173 Grafik Kejuruteraan

Matlamat kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan tentang asas-asas reka bentuk dan kemahiran membangunkan lukisan kejuruteraan menggunakan kaedah lukisan secara manual dan juga menggunakan perisian komputer seperti AutoCAD. Silibusnya meliputi asas metodologi reka bentuk tradisional dan setemu serta prinsip-prinsip asas lukisan kejuruteraan seperti saiz lukisan, jenis-jenis garisan, tulisan, simbol lazim, unjuran sudut pertama dan ketiga, unjuran ortografik, isometrik, lukisan pelbagai pandangan, keratan, mendimensi dan had terima. Pelajar juga akan diperkenalkan kepada piawai dalam lukisan kejuruteraan untuk Kejuruteraan Awam, Elektrikal, Kimia dan Mekanikal.

Bacaan Asas

- Bertoline, G.R. and Wiebe, E.N. 2005. *Fundamental of Graphics Communication*, 4/e, New York: McGraw-Hill.
- Giesecke, F.E., Mitchell, A, Spencer, H.C., Hill, I.L., Dygdon, J.T. and Novak, J.E. 2002. *Technical Drawing*, 12/e, New Jersey: Prentice Hall.
- Lamit, L.G., Kitto, K.L, Shull, J.I. and Higgins, J.J. 1997. *Engineering Graphics and Design: with Graphic Analysis*. St. Paul, Minneapolis: West Publishing Company.
- Dix, M. And Riley, P. 2005. *Discovering AutoCAD 2005.*, New Jersey: Prentice Hall.
- Yarwood A. 2004. *Introduction to AutoCAD 2004 : 2D and 3D Design*. London: Prentice Hall.

Matriks Hasil Pembelajaran

[illegible]

8.	Memahami piawai dan kaedah pendimensian dan had terima		3	3							2		3
9.	Mengetahui piawai dan kaedah pembangunan lukisan kerja dan pemasangan		3				1				2		
10.	Memahami metodologi umum dalam proses reka bentuk kejuruteraan		3				3	1			2		

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi,
3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKF1243 Pengaturcaraan Komputer

Matlamat kursus ini ialah untuk memberikan pengetahuan, kefahaman dan kemampuan dalam pengaturcaraan komputer. Termasuk dalam kursus ini ialah sistem komputer dan penggunaannya dalam kerja-kerja kejuruteraan serta konsep pengaturcaraan dan bahasa pengaturcaraan. Bahasa yang digunakan ialah C (C++), Microsoft Visual Basic, MATLAB dan pengatur caraan Windows. Pelajar juga akan diajar berkenaan *graphic user interface*.

Kursus ini adalah wajib bagi semua pelajar fakulti kejuruteraan dan menjadi syarat bagi kursus-kursus yang melibatkan pemodelan komputer.

Bacaan Asas

Kernigham B. W. & Ritchie D. M. 1998. *The C Programming Language*. 2nd Edition. New York: Prentice-Hall.
Stroustrup B. 1991. *The C++ Programming Language*. 2nd Edition. USA: Addison-Wesley Longman.
Brown S. 1999. *Visual Basic 6 in Record Time*. Alameda USA: Sybex Inc.
Pohl I. 1994. *C++ for Programmers*. 2nd Edition. New York: Addison-Wesley.
Microsoft. 1995. *Visual C++ Tutorials*.

Matriks Hasil Pembelajaran

	Outcomes Kursus (OK)	P O 1	P O 2	P O 3	P O 4	P O 5	P O 6	P O 7	P O 8	P O 9	P O 10	P O 11	P O 12
1	Berkebolehan menjelmakan masalah kejuruteraan kepada urutan pengaturcaraan..	3		2	3				2			1	2
2	Berkebolehan bekerja dalam satu kumpulan untuk membangunkan satu aplikasi pengaturcaraan kejuruteraan.						2			1			
3	Berkebolehan menghasilkan aplikasi pengaturcaraan untuk menyelesaikan masalah kejuruteraan yang mesra pengguna.		3										

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi,
3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKF1333 Kemahiran Kejuruteraan

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada konsep rekabentuk produk/loji, pembangunan dan pengujian yang menekankan hubung kait di antara rekabentuk, fabrikasi, pengujian, bahan dan pembuatan. Program ini akan dilaksanakan secara teori dan praktikal yang meliputi kejuruteraan produk, teknologi pembuatan: pemesenan dan kimpalan, litar elektronik, pendawaian elektrik dan pemasangan komputer; asas tindak balas kimia dan pemisahan; asas paip dan pam, bioteknologi, rawatan bahan buangan, kekuatan struktur dan kejuruteraan keselamatan.

Bacaan Asas

- Ritchie, J and Simpson G. 1998. *Engineering Applications: A Project Based Approach*. Oxford: Butterworth Heinemann.
- Kibbe R.R., et al. 1999. *Machine Tool Practices*. 6th ed. New York: Prentice Hall.
- Krar S.F., et. al. 1996. *Technology of Machine Tools*. 5th ed. New York: Glencoe McGrawHill.
- Sinnott, R.K. 1983. Penterjemah: Wan Ramli Wan Daud et al. 1994. *Kejuruteraan Kimia: Pengenalan Rekebentuk Kejuruteraan Kimia*, Jilid 6.
- Dungan, C & Stocks, E.G. 1998. *Siri Bekalan Elektrik* (4 volumes), Golden Books Centre, KL.
- Hibbeler, R.C. 2002. *Structural Analysis*. 5th Ed. Prentice-Hall.

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil.	Outcomes Kursus (OK)	P O 1	P O 2	P O 3	P O 4	P O 5	P O 6	P O 7	P O 8	P O 9	P O 10	P O 11	P O 12
1	Kesedaran kepada peraturan keselamatan dalam bengkel dan makmal	1							1				
2	Memahami dan menggunakan kaedah yang betul didalam penggunaan peralatan pemesinan dan kimpalan	2	1		1		1	1	1	2	1	1	

3	Memahami dan menggunakan cara yang betul didalam mengenali komponen elektronik, pemasangan litar, pendawaian elektrik dan komputer	2	1		1		1	1	1	2	1	1	
4	Memahami dan menggunakan konsep asas reka bentuk loji dan utiliti untuk sistem kimia/bio	2	1		1		1	1	1	2	1	1	
5	Memahami dan menggunakan konsep asas tindak balas struktur terhadap pembebanan	2	1		1		1	1	1	2	1	1	

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKF3066 Latihan Industri

Matlamat kursus ini adalah untuk mendedahkan pelajar kepada amalan kejuruteraan yang spesifik dalam bidang pengkhususan masing-masing dan jenis industri yang dipilih, untuk mendedahkan pelajar kepada tanggungjawab sebagai jurutera dan profesyen kejuruteraan dan untuk membentuk kemahiran komunikasi dalam kejuruteraan yang merangkumi interaksi harian dengan persekitaran kerja dan penulisan teknikal.

Pelajar akan dihantar ke industri selama tidak kurang dari 12 minggu untuk menjalani latihan industri. Latihan Industri bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada tanggungjawab jurutera dan etika kejuruteraan, mendedahkan pelajar kepada aspek-aspek amalan kejuruteraan, serta menanam kemahiran kejuruteraan pada pelajar, termasuk kemahiran menulis laporan teknikal, komunikasi, penilaian teknikal dan reka bentuk. Pelajar dikehendaki menghabiskan sekurang-kurangnya 6 semester pengajian sebelum memulakan latihan.

Pra-Keperluan (jika ada):

Telah menjalankan pengajian sekurang-kurangnya 6 semester.

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	Outcomes Kursus (OK)	P O 1	P O 2	P O 3	P O 4	P O 5	P O 6	P O 7	P O 8	P O 9	P O 10	P O 11	P O 12
1.	Menyedari tugas, tanggungjawab profesional dan etika seorang jurutera,							3			2	2	
2.	Berkebolehan berkomunikasi secara efektif dalam persekitaran kerja.		3		1		3						
3.	Memahami prosedur kerja umum dan khusus dalam bidang kejuruteraan yang berkaitan dalam industri.						1	1			1		
4.	Mendapat pendedahan dan pengalaman secara amali dalam bidang berkaitan.						1			1	2	2	
5.	Berkebolehan menyediakan laporan teknikal bagi latihan yang diikuti.		3							2			
6.	Berkebolehan menggunakan pengetahuan yang dipelajari untuk menyelesaikan masalah di industri.	2			1	1		1		2			

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKF3283 Etika Kejuruteraan & Perkembangan Teknologi

Matlamat kursus ini ialah mengkaji sejarah perkembangan teknologi dan mengguna falsafah etika untuk menyelesaikan masalah moral yang timbul dalam amalan kejuruteraan. Kursus ini membincangkan faktor teknik, saintifik, falsafah, agama, politik, ekonomi dan sosial yang mempengaruhi atau dipengaruhi oleh perkembangan teknologi, falsafah etika Barat dan Timur dan isu moral dalam amalan kejuruteraan seperti keselamatan, pencemaran sekitar, kebenaran termaklum, ketaatan korporat, profesionalisme, kerahsiaan, konflik kepentingan, rasuah, hak pengaduan dan hak moral jurutera.

Bacaan Asas

- Bud, R., Niziol, S., Boon, T. dan Nahum, A. 2000. *Inventing the modern world : technology since 1750*, London, Dorling Kindersley.
- Cardwell, D. 1994 *Fontana history of technology*, London: Fontana Press.
- Al-Hassan, A. Y. dan Hill, D. R. 1986 *Islamic technology: an illustrated history*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Martin, M. W. dan Schinzinger, R. 1997. *Ethics in engineering*, New York: McGraw-Hill.
- Wan Fuad Wan Hassan 1990 *Ringkasan sejarah sains*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	Outcomes Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Memahami bahawa sains dan teknologi purba berkembang mengikut keperluan kehidupan, budaya dan agama peradaban purba Mesir, Mesopotomia, Yunani & Rom		2				3	2					
2	Mengetahuii bahawa profesion kejuruteraan sudah wujud sejak zaman purba terutama pada zaman Yunani dan Rom		2				3	2					
3	Memahami bahawa sains dan teknologi Asia bergerak ke Erpoah pada Zaman Pertengahan melalui terjemahan dan dikembangkan seterusnya oleh Epoah pada zaman Renaissance		2				3	2					
4	Memahami Revolusi Sains dicetuskan oleh fahaman anti-gereja, humanisme, rasionalisme & empirikisme zaman kesedaran		2				3	2					
5	Memahami kaedah sains yang dihasilkan oleh Revolusi Sains dan teori perubahan sains mengikut model Kuhn		2				3	2					
6	Memahami Revolusi Industri dicetuskan oleh minat masyarakat terhadap teknologi, sistem paten, peningkatan pasaran, teknologi kuasa air dan stim dan peranan media		2				3	2					
7	Memahami akibat Revolusi Industri iaitu kelahiran kilang dan perkakas mesin, tentangan terhadap kilang, kelahiran kota industri, kesetingganan dan kesihatan penduduk		2				3	2					
8	Memahami peranan jurutera dalam Revolusi Industri, kaedah kejuruteraan, pendidikan kejuruteraan dan teori perubahan teknologi dan kejuruteraan mengikut model Gilfilan		2				3	2					

9	Memahami Revolusi Industri II dicetuskan oleh perkembangan tenaga elektrik, industri kimia, teknologi komunikasi, sumber tenaga alternatif, motokar dan kapal terbang	2				3	2						
10	Memahami perubahan paradigma sains daripada sains klasik kepada teori elektromagnet, kuantum, kenisbian dan evolusi	2				3	2						
11	Memahami perkembangan sains dan teknologi besar yang dicetuskan oleh peperangan panas/dingin iaitu teknologi angkasa lepas dan teknologi nukleus	2				3	2						
12	Memahami perkembangan teknologi tinggi, teknologi komunikasi dan maklumat dan bioteknologi	2				3	2		2	2	2	2	
13	Memahami makna etika kejuruteraan dan kepelbagaian isu-isu moral dalam amalan kejuruteraan	2				2	3	3					
14	Memahami tujuan kajian etika kejuruteraan dalam pengembangan profesion kejuruteraan	2				2	3	3					
15	Memahami masalah moral dan dilema moral dan mengetahui langkah dalam menghadapi dilema moral	2				2	3	3					
16	Memahami berbagai teori moral termasuk etika akhlak, etika utiliti, etika tugas, etika hak dan etika berbagai-bagai agama dengan penekanan kepada etika Islam	2				2	3	3					
17	Berkebolehan menyelesaikan dilema moral dalam amalan kejuruteraan dengan menggunakan teori-teori moral	2				2	3	3					
18	Memahami kod etika kejuruteraan IJM terutama tugas tertinggi jurutera melindungi masyarakat awam daripada kecederaan dan kematian dan kerosakan alam sekitar akibat amalan kejuruteraan	2				2	3	3					
19	Berkebolehan menggunakan kod etika kejuruteraan IJM dalam amalan kejuruteraan	2				2	3	3					
20	Memahami bahawa kejuruteraan merupakan uji kaji sosial, ketidakpastian akibat akhir produk kejuruteraan, dan konsep kebenaran termaklum orang awam	2				2	3	3					

22	Memahami konsep keselamatan dan risiko, kebolehterimaan risiko, penaksiran keselamatan & risiko	2				2	3	3				
23	Memahami ujian keselamatan langsung/melalui melalui simulasi seperti analisis pokok gagal	2				2	3	3				
24	Memahami hubungan jurutera dengan majikan, kerahsiaan, maklumat rahsia syarikat, kewajaran dan batas merahsiakan maklumat	2				2	3	3				
25	Memahami jenayah pekerjaan, pengintipan industri, penentuan harga dan pembahayaan nyawa	2				2	3	3				
26	Memahami konflik kepentingan dalam amalan kejuruteraan, penjejasan pertimbangan dan perkhidmatan, hadiah dan rasuah, maklumat dalaman dan kepentingan dalam syarikat lain	2				2	3	3				
27	Berkebolehan menyelesaikan isu moral dalam amalan kejuruteraan yang melibatkan isu-isu keselamatan, hubungan dengan majikan, jenayah pekerjaan dan konflik kepentingan	2				2	3	3				

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKF4133 Pengurusan Kejuruteraan

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengenalan dan pendedahan asas ilmu perniagaan dan pengurusan kepada pelajar kejuruteraan. Diharap dengan demikian bakal jurutera akan menghayati hubung-kait di antara perniagaan, pengurusan dan kejuruteraan. Kursus ini membincangkan secara umum aspek-aspek keusahawanan, ekonomi, perdagangan antarabangsa, pengurusan am, pengurusan sumber manusia, pengeluaran, pemasaran, perakaunan dan kewangan. Kursus selanjutnya kepada kursus ini adalah yang ditawarkan di dalam kursus Pengurusan Projek pada semester beikutnya.

Bacaan Asas

W G Nickels, J M McHugh, S McHugh, (2005), *Understanding Business*, 7th Edition, New York, McGrawHill

J Madura, (2004), *Introduction To Business*, 3th edition, Thomson, South-Western Publishing

R J Ebert, R W Griffin, (2000), *Business Essentials*, 3rd Edition, New Jersey, Prentice Hall

M.K Badawy, *Developing Managerial Skills in Engineers and Scientists*. 2nd edition, John-Wiley & sons.

J.V. Chelsom, A.C. Payne, L.R.P. Rweill. *Management For Engineers, Scientists and Technologists*, 2nd edition. John-Wiley & sons

Matrik Hasil Pembelajaran

	Outcomes Kursus (OK)	P O 1	P O 2	P O 3	P O 4	P O 5	P O 6	P O 7	P O 8	P O 9	P O 10	P O 11	P O 12
1	Berkebolehan mengaitkan kejuruteraan dan perniagaan iaitu kejuruteraan ialah pengeluaran barangan dan perkhidmatan dan perniagaan ialah mengetahui kehendak pengguna dan memenuhi permintaan	2	2				3	1	1		2	1	1
2	Memahami data ekonomi seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), kadar inflasi dan kadar pengangguran sebagai angka tunjuk (indicators) kepada keadaan ekonomi negara dan tahap aktiviti perniagaan	1	2				3	1	1			2	
3	Mempunyai kesedaran tentang jenis gaya kepimpinan yang ditunjukkan oleh pengurus menyedari tentang kepentingan kemahiran teknikal, konseptual dan hubungan manusia di dalam mengurus kumpulan yang wujud di dalam organisasi.	2	2				3	2		1	1		
4	Mempunyai kesedaran untuk berkerja sebagai satu kumpulan di dalam satu-satu projek atau di dalam sesebuah organisasi.		2				2	2			3		1
5	Memahami konsep asas pengurusan sumber manusia, pemasaran, perakaunan dan kewangan.	2					1		1		3	2	
6	Mempunyai pengetahuan untuk memperolehi ilmu tambahan .						1	1	2		1	1	

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKQ1113 Matematik Kejuruteraan 1 (Aljabar)

Kursus matematik ini bertujuan memberi kefahaman tentang aljabar linear. Kursus dimulakan dengan tajuk-tajuk seperti nombor kompleks, fungsi hiperbolik dan pengembangan siri kuasa. Tajuk-tajuk utama ialah matriks dan penentu, Petua Cramer, nilai dan vector eigen, keserupaan matriks, pendaraban scalar dan vector, vector sebagai

tensor tertib satu, matriks kompleks, bentuk kuadratik dan kepepenjuran matriks dan Teorem Cayley-Hamilton.

Bacaan Asas

George Nakos and David Joyner. 1998. *Linear Algebra with applications*. Thomson Publishing Company. Singapore.

Kreyszig, E. 1999. *Advanced Engineering Mathematics*. 8th Edition, New York: Wiley.

Peter V. O'Neil. 2003. *Advanced Engineering Mathematics*. 5th Edition, Singapore. Thomson Brooks/Cole.

Zill Cullen. 2000. *Advanced Engineering Mathematics*. 2th Edition, Sudbury, Massachusetts. Jones and Bartlett Publishers.

Sharir Mohamad zain. 1991. *Vektor dan Tensor: Pengenalan*

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	Outcomes Kursus (OK)	P O 1	P O 2	P O 3	P O 4	P O 5	P O 6	P O 7	P O 8	P O 9	P O 1 0	P O 1 1	P O 1 2
1	Kefahaman tentang konsep asas nombor kompleks dan pengembangan siri kuasa.	2			2						1		
2	Kefahaman tentang konsep asas matriks, penentu, pangkat	2			2								1
3	Kefahaman tentang konsep keserupaan matriks, bentuk kuadratik matriks dan kepepenjuran matriks	2			2								
4	Kefahaman konsep nilai eigen, vektor eigen dan kaitannya dengan tensor.	2			2								
5	Keupayaan tentang penggunaan matriks dalam aplikasi masalah kejuruteraan.	3			2						1		
6	Keupayaan tentang penggunaan vektor dan tensor dalam aplikasi masalah kejuruteraan.	1			1						1		

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKQ1213 Matematik Kejuruteraan 2 (Kalkulus)

Kursus matematik ini bertujuan memberi kefahaman tentang kalkulus kebezaan vektor dan kalkulus kompleks pada tahap yang membolehkan perbincangan tentang penggunaannya dalam kejuruteraan. Tajuk-tajuk utama termasuk pembezaan separa, fungsi vektor, kamiran garis, kamiran berganda, kamiran tiga rangkap, Teorem Green, Teorem Stokes, teorem Gauss, fungsi kompleks, kamiran kompleks, siri Maclaurin, Laurent dan teorem Reja.

Bacaan Asas

Kreyszig, E. 1999. *Advanced Engineering Mathematics*. 8th Edition, New York: Wiley.
 Peter V. O'Neil. 2003. *Advanced Engineering Mathematics*. 5th Edition, Singapore. Thomson Brooks/Cole.
 Zill Cullen. 2000. *Advanced Engineering Mathematics*. 2th Edition, Sudbury, Massachusetts. Jones and Bartlett Publishers.
 Sharir Mohamad Zain. 1991. *Vektor dan Tensor*

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	Outcomes Kursus (OK)	P O 1	P O 2	P O 3	P O 4	P O 5	P O 6	P O 7	P O 8	P O 9	P O 10	P O 11	P O 12
1	Kefahaman tentang konsep asas pembezaan separa	2			1						1		
2	Kefahaman tentang konsep fungsi vektor, medan vektor, medan skalar, gradien, kecapahan dan keikalan.	2			1						1		
3	Kefahaman tentang konsep kamiran garis, kamiran berganda dan kamiran tiga rangkap.	2			1						1		
4	Keupayaan tentang penggunaan Teorem Green, Teorem Stokes dan Teorem Gauss dalam menyelesaikan masalah matematik kejuruteraan.	2			1						1		
5	Kefahaman tentang konsep pembezaan dan kamiran fungsi kompleks.	2			1						1		
6	Keupayaan tentang penggunaan teorem kamiran Cauchy, siri kuasa Taylor, Maclaurin dan Laurent dan teorem reja dalam menyelesaikan matematik kejuruteraan.	2			1						1		

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKQ2013 Statistik Kejuruteraan

Kursus ini memperkenalkan statistik sebagai satu kaedah untuk membantu menyelesaikan masalah berdasarkan pengumpulan data dan pensampelan. Tajuk-tajuk utama termasuklah kebarangkalian, teorem Bayes, pembentangan data rawak, pembolehubah rawak diskret; fungsi ketumpatan kebarangkalian, taburan-taburan kebarangkalian, min dan varians, analisis ralat rawak dan sistematik, ketumpatan dan taburan kebarangkalian, taburan kebarangkalian seragam, taburan eksponen dan normal, anggaran parameter min dan varians, anggaran titik dan anggaran selang, pensampelan, ujian keerertian dan hipotesis,

regresi dan korelasi, kawalan mutu dan ujian tak berparameter.

Bacaan Asas

Montgomery & George. 2003. *Applied Statistics & Probability For Engineers*. Wiley
 Richard. 2003. *Probability, Statistics and Random Processes for Engineers*. Thomson.
 Walpole, P. E. dan P. L. Meyer. 2002. *Probability & Statistics For Engineers & Scientist*. Prentice Hall

J, L. Devore 2000. *Probability & Statistics For Engineering & The Sciences*. Duxbury

Zainol Hj. Mustafa. 2000. *Statistik Kejuruteraan*. UKM

Web

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	Outcomes Kursus (OK)	P O 1	P O 2	P O 3	P O 4	P O 5	P O 6	P O 7	P O 8	P O 9	P O 10	P O 11	P O 12
1	Berkebolehan untuk meringkaskan dan menyelesaikan masalah statistik dalam bidang kejuruteraan.	3			3					2			
2	Berkebolehan untuk berkerja di dalam kumpulan semasa tutorial.						3				3		
3	Berkebolehan untuk menyelesaikan masalah serta membentangkan hasil daripada analisis masalah statistik semasa tutorial.						2						
4	Berkebolehan menggunakan teorem yang sesuai dalam penyelesaian masalah statistik	2											

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi,
 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKQ2113 Matematik Kejuruteraan 3 (Persamaan Kebezaan 1)

Kursus matematik ini bertujuan memberi kefahaman tentang persamaan kebezaan biasa dan separa, kaedah-kaedah penyelesaiannya serta penggunaannya dalam kejuruteraan. Antara tajuk-tajuk yang akan dibincangkan termasuk: Persamaan kebezaan biasa peringkat pertama dan jenis-jenisnya, kaedah-kaedah penyelesaiannya serta permodelan dalam masalah separuh hayat, pencampuran bahan dan litar elektrik; Persamaan kebezaan biasa peringkat kedua homogen dan tak homogen, kaedah penyelesaiannya termasuk kaedah pekali belum tentu, kaedah ubahan parameter, kaedah siri kuasa dan kaedah jelmaan Laplace serta permodelan litar elektrik dan sistem pegas-jisim; Siri, kamiran, dan jelmaan Fourier; dan Pengenalan kepada persamaan kebezaan separa linear peringkat kedua dan penggunaannya.

Bacaan Asas

Kreyszig, E., 1999, *Advanced Engineering Mathematics, 8th Edition, New York, Wiley.*

O'Neil, P. V., 1995, *Advanced Engineering Mathematics, 4th Edition, Pacific Grove, Brooks/Cole*

Zill, D. G., 2001, *A First Course In Differential Equation With Modeling Applications.* 7th Edition, Pacific Grove, Brooks/Cole.

Kreyszig, E., Norminton, E. J., 2001, *Maple Computer Guide for 8th Edition Erwin Kreyszig Advanced Engineering Mathematics, New York, Wiley*

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	Outcomes Kursus (OK)	P O 1	P O 2	P O 3	P O 4	P O 5	P O 6	P O 7	P O 8	P O 9	P O 10	P O 11	P O 12
1	Kefahaman mengenai konsep asas persamaan kebezaan dan konsep penyelesaian am dan penyelesaian khusus.	3											
2	Kebolehan untuk menentukan jenis PKB peringkat pertama dan menyelesaikannya.	3											
3	Kemampuan membuat permodelan PKB peringkat pertama bagi masalah separuh hayat, masalah pencampuran bahan dan litar elektrik serta mentafsirkan penyelesaiannya.	3			1				1	1			
4	Kebolehan mengenalpasti jenis-jenis PKB linear peringkat kedua dan kaedah-kaedah penyelesaiannya.	3							1				
5	Kebolehan menyelesaikan PKB linear peringkat kedua homogen dan tak homogen menggunakan kaedah yang telah dipelajari.	3			1				1	1			
6	Kefahaman mengenai polynomial Legendre dan fungsi Bessel serta sifat-sifatnya	2											
7	Kebolehan mendapatkan jelmaan Laplace dan jelmaan Laplace songsang bagi fungsi	3											
8	.Kefahaman mengenai konsep siri, kamiran dan jelmaan Fourier	3											
9	Kebolehan mendapatkan siri, kamiran dan jelmaan Fourier bagi fungsi-fungsi mudah	3											
10	Pengetahuan mengenai jenis-jenis persamaan kebezaan separa dan kegunaannya dalam kejuruteraan.	3											
11	Kebolehan menyelesaikan persamaan gelombang ,persamaan haba (1 matra) dan persamaan Laplace dengan kaedah pemisahan pembolehubah	3											

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKQ2213 Statistik & Pengiraan Berangka

Kursus ini memperkenalkan statistik sebagai satu kaedah untuk membantu menyelesaikan masalah berdasarkan pengumpulan data dan pensampelan. Tajuk-tajuk utama termasuklah kebarangkalian, teorem Bayes, pembentangan data rawak, pembolehubah rawak diskret; fungsi ketumpatan kebarangkalian, taburan-taburan kebarangkalian, min dan varians, analisis ralat rawak dan sistematik, ketumpatan dan taburan kebarangkalian, taburan kebarangkalian seragam, taburan eksponen dan normal, anggaran parameter min dan varians, anggaran titik dan anggaran selang, pensampelan, ujian keertian dan hipotesis, regresi dan korelasi.

Matlamat kursus ini ialah memberikan pengetahuan, kefahaman dan sintesis bidang-bidang utama dalam kejuruteraan pengangkutan. Bidang utama ini ialah ciri-ciri lalu lintas dan jalan raya, peranti kawalan lalu lintas, faktor manusia dalam pengangkutan, perancangan dan pengurusan sistem pengangkutan, konsep sistem pengangkutan pintar, kajian dan pemodelan pengangkutan, penilaian kejuruteraan ekonomi, kaedah pembiayaan dan penilaian kesan/impak alam sekitar (EIA) bagi pembangunan projek pengangkutan. Kursus ini juga menerangkan mengenai konsep perancangan dan reka bentuk kemudahan pengangkutan darat, udara dan air. Pelajar dikehendaki boleh menganalisis dan menyelesaikan masalah yang dikemukakan dalam tutorial.

Kursus ini diwajibkan kepada semua pelajar dalam program kejuruteraan awam dan struktur.

Pra-Keperluan (jika ada):

KKKF 2033 (Statistik Kejuruteraan) dan KKKH2243 (Ukur Kejuruteraan)

Bacaan Asas

- Banks, J.H. 2002. *Introduction to Transportation Engineering*. 2nd. Ed. New York: McGraw-Hill H. Educ.
- Wright, P.H. & Ashford, N.J. 1998. *Transportation Engineering: Planning & Design*. 4th. Ed. New York: John Wiley.
- Khisty, C.J. & Lall, B.K. 1998. *Transportation Engineering: An Introduction*. 2nd. Ed. New Jersey: Prentice-Hall Intl. Inc.
- Carter, C.E. & Homburger, W.S. 1994. *Introduction to Transportation Engineering Pengenalan Kejuruteraan Pengangkutan*. Amiruddin Ismail (translator). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Horonjeff, R. & McKelvey, F.X. 1986. *Planning & Design of Airport*. 3rd. Ed. New York: McGraw-Hill Intl. Eds.

Matriks Hasil Pembelajaran:

Bil.	Outcomes Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Memahami ciri-ciri lalu lintas, jalan raya, peranti mengawal lalu lintas dan mengenal pasti masalah yang mungkin timbul dan mencadangkan langkah-langkah penyelesaiannya.	3		2	2	2						1	
2	Memahami faktor manusia yang terlibat dalam sesuatu sistem pengangkutan.	3		2	1	1						1	
3	Memahami kaedah perancangan dan pengurusan sistem pengangkutan serta mempelajari konsep sistem pengangkutan pintar.	3		2	2								
4	Memahami ciri-ciri dan bagaimana kajian pemodelan pengangkutan dilakukan.	3		2	3	3							
5	Memahami kaedah penilaian kejuruteraan ekonomi dan kaedah pembiayaan projek pengangkutan.	3		2	3	2							
6	Memahami kaedah penilaian kesan/impak alam sekitar (EIA) bagi pembangunan projek pengangkutan.	2		2	2		2	1				1	
7	Memahami konsep perancangan dan reka bentuk kemudahan pengangkutan darat, udara dan air.	3		2	3							1	

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi,
 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH3153 Geoteknik II

Matlamat dan objektif utama kursus ini untuk memperkenalkan sifat-sifat asas tanah yang penting termasuk kekuatan tanah untuk rekabentuk geoteknik, dan faktor-faktor yang berhubungan. Pelajar-pelajar seterusnya diperkenalkan kepada kerja-kerja makmal yang berkaitan untuk mendapatkan parameter-parameter geoteknik yang di bincangkan di dalam kursus ini. Aplikasi ke dalam struktur geoteknik juga dibincangkan supaya para pelajar dapat merasai kepentingan pembelajaran teori yang diberikan di dalam syarahan.

Antara tajuk-tajuk yang di tumpukan ialah tegasan-tegasan tanah, kekuatan, pengukuhan, kesetabilan cerun dan penyiasatan tapak. Kelakuan sifat-sifat tanah pasir dan tanah lempung juga ditekankan supaya pelajar dapat membuat perbandingan sifat-sifat ini bagi maksud reka bentuk. Kerja-kerja makmal menjadi komponen penting dalam kursus ini dimana ujikaji-ujikajinya termasuk ujian ricih terus, mampatan tak terkurung, ujian paksi tiga dan juga ujian pengukuhan.

Pra-Keperluan: KKKH 2253 Geoteknik I

Bacaan Asas

Das, B.M. (2004), *Principles of Geotechnical Engineering*, 5th Ed., Boston PWS.

McCarthy, D.F.(1998) *Essentials of Soil Mechanics and Foundations*, 5th Ed., New Jersey, Prentice Hall.

Cernica, J.N. (1995) *Geotechnical Engineering: Soil Mechanics*, John Wiley and Sons.

Bardet, J.P. (1997) *Experimental Soil Mechanics*, New Jersey, Prentice Hall.

Al-Khafaji, A.W., and Andersland, O.B. (1992) *Geotechnical Engineering and Soil Testing*. New York: Sounder College Publishing.

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	<i>Outcomes</i> Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Berkebolehan mengumpul dan menganalisis data dan maklumat, menilai keadaan di tapakbina dan mengenalpasti tanah bermasalah.	2	3	3	1					3			1
2	Berkebolehan menggunakan pengetahuan asas mekanik tanah didalam rekabentuk geoteknik.		3	3	3					3		1	2
3	Berkebolehan menggunakan asas prinsip rekabentuk dalam penyelesaian masalah di lapangan dan juga lain-lain masalah sebenar.		3	3	3					3		1	3
4	Berkebolehan bekerja sebagai satu kumpulan di dalam memberi penilaian terhadap berbagai-bagai aspek rekabentuk geoteknikal.		2	1						2			3
5	Berkebolehan menghasilkan dan membenteng laporan kejuruteraan bagi satu-satu rekabentuk geoteknik, dengan menerangkan kemampuan dan kegunaannya.		1	2						3		1	3

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH3223 Analisis Struktur

Matlamat kursus ialah untuk memberikan pengetahuan kepada berbagai kaedah dan analisis yang boleh digunakan dalam menyelesaikan masalah struktur yang menerima pelbagai bentuk beban. Analisis dijalankan untuk menentukan tindakbalas, ricih dan momen dalaman, pesongan, cerun dan pergerakan sokongan. Antara kaedah yang dibincangkan dalam kursus ini ialah kaedah matriks kebolehlenturan dan kaedah matriks kekukuhan bagi komponen rasuk, kerangka dan kekuda. Analisis ke atas anggota struktur tak prismatik juga turut disentuh. Kursus ini juga merangkumi kepada masalah lengkokan dan ketakstabilan tiang, analisis plastik, analisis garis alah, kilasan dan analisis keratan dinding nipis. Aplikasi penyelesaian kaedah analisis struktur secara berkomputer akan turut didedahkan kepada pelajar.

Pra-Keperluan (jika ada): KF1043 Mekanik Gunaan dan KH 3123 Mekanik Struktur

Bacaan Asas

Aslam Kassimali. 1999. *Structural Analysis*. 2nd Edition. PWS.

Coates, R.C., M.G. & Kong, F.K. 1988. *Structural Analysis*. 3rd Edition. London : Chapman Hall.

Chajes, A. 1990. *Structural Analysis*. 2nd Edition. Prentice Hall.

Hibbeler, R.C. 2005. *Structural Analysis*. SI Edition. Prentice Hall.

Marshall & Nelson revised by Bhatt, P. & Nelson, H.M. 1990. *Structures*. 3rd Edition. Longman

Matriks Hasil Pembelajaran

	Outcomes Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Berkebolehan menganalisis dan menyelesaikan masalah struktur tidak boleh tentu secara statik yang mempunyai anggota tak prismatic.	3		3	2							1	
2	Memahami penggunaan kaedah matriks kebolehlenturan dan matriks kekukuhan dalam menganalisis struktur tidak boleh tentu secara statik yang mengalami pelbagai jenis beban kenan.	3		2	3								
3	Berkebolehan menganalisis dan menyelesaikan masalah lengkokan dan ketakstabilan tiang.			3	3								
4	Memahami penggunaan analisis plastik, analisis garis alah, kilasan dan analisis keratan dinding nipis dalam menyelesaikan masalah struktur.	2		3	3								
5	Berkebolehan menggunakan perisian komputer dalam menyelesaikan pelbagai masalah struktur.			2	2	1						1	

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH3233 Hidrologi Kejuruteraan

Matlamat kursus ini ialah untuk memberikan pengetahuan dan kefahaman tentang kitaran hidrologi serta komponennya, kawasan tadahan, serta hubungan antara hujan, bentuk gunatanah dan jumlah larian permukaan. Kursus ini juga akan memberikan kemahiran dan kemampuan untuk menganalisa data-data hidrologi termasuk data hujan, data kadar alir, kadar penyusupan dan bentuk gunatanah. Aplikasi data hujan, jenis tanah, dan bentuk

gunatanah dilakukan menggunakan kaedah SCS untuk mengira kesan pembangunan sesuatu kawasan keatas peningkatan jumlah larian permukaan. Prosedur Hidrologi (HP) yang digunakan JPS dalam pengiraan intensiti hujan serta pengiraan kadar banjir turut diperkenalkan.

Bacaan Asas

Chow V.T., Maidment D.R., dan Mays L.W. 1988, *Applied Hydrology*, New York, McGraw Hill International

Bedient, P.B. dan Huber, W.C. 1992. *Hydrology and Floodplain Analysis*. New York: Addison Wesley Publishing Company

McCuen R.H., 1988, *Hydrological Analysis and Design*, New York: Prentice Hall.

Ponce V.M., 1989, *Engineering Hydrology, Principles and Practices*. New York: Prentice Hall

Viessman Jr.W., Lewis G.L. dan Knapp J.W. 1989, *Introduction to Hydrology*. New York: Harper Collins.

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	<i>Outcomes</i> Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Berkebolehan mengaplikasi pengetahuan tentang komponen kitaran hidrologi untuk menyelesaikan apa-apa masalah hidrologi yang mungkin berlaku.	3	3	3	3	3			3			3	
2	Berkebolehan bekerja dalam satu kumpulan untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan rekabentuk sistem penyaliran air sesuatu kawasan serta membentangkan dapatan kajian	3	3	3	3		3		3	3	2		
3	Berkebolehan menggunakan kaedah SCS bagi menyelesaikan masalah menentukan kesan pembangunan terhadap peningkatan larian permukaan	3	2	3	3	2				3		2	
4	Berkebolehan menggunakan HP (Prosedur Hidrologi) untuk mengira intensiti hujan serta kadar banjir bagi mana-mana kawasan yang di pilih.	3		3	3	3							
5	Berkebolehan berkomunikasi secara jelas dan efektif	2	3				3						
6	Boleh mengenalpasti keperluan pengetahuan ilmu dalam bidang ini dan keperluan terlibat dalam pembelajaran sepanjang hayat	3							3			3	

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi,

3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH3243 Kejuruteraan Jalan Raya

Matlamat kursus ini ialah memberikan pengetahuan, kefahaman dan sintesis dalam bidang bidang-bidang utama dalam kejuruteraan trafik, jalan raya dan lebuh raya. Penekanan ialah kepada ciri-ciri pemandu, pejalan kaki, kenderaan dan jalan raya, prinsip-prinsip asas aliran trafik, kajian kejuruteraan trafik, reka bentuk persilangan dan persimpangan berlampu isyarat reka bentuk geometri jalan raya dan lebuh raya dua lorong dan berbilang lorong. Pelajar diajar mengenai bahan-bahan asfalt, bitumen, reka bentuk turapan anjal, bahan-bahan konkrit, reka bentuk turapan tegar dan pengurusan turapan. Pelajar juga dikehendaki menjalani uji kaji di makmal pengangkutan dan lapangan untuk melaksanakan projek yang ditentukan dan mampu menulis laporan mengenainya di samping boleh menganalisis dan menyelesaikan masalah yang dikemukakan dalam tutoran.

Kursus ini diwajibkan kepada semua pelajar dalam kedua-dua program iaitu kejuruteraan awam dan struktur dan kejuruteraan awam dan sekitaran.

Pra-Keperluan (jika ada): KKKF 2033 Statistik Kejuruteraan dan KKKH2243 Ukur Kejuruteraan

Bacaan Asas

- Garber, N.J & Hoel, L.A. 2002. *Traffic & Highway Engineering*. 3rd Ed. California: Brooks/Cole.
- Mannering, F.L & Kilareski, W.P. 2005. *Principles of Highway Engineering & Traffic Analysis*. 3rd Ed. New York: John Wiley.
- Papacostas, C.S. & Prevedouros, P.D. 2001. *Transportation Engineering & Planning*. 3rd Ed. New Jersey: Prentice-Hall.
- Wright, P.H. 1996. *Highway Engineering*. 6th Ed. New York: John Wiley.
- Asri Hasan, Mohamed Rehan Karim & Meor Othman Hamzah. 1990. *Pengenalan Sistem Kawalan Lalu Lintas Berlampu Isyarat (Introduction to Signalised Traffic Control System)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Matriks Hasil Pembelajaran:

Bil.	<i>Outcomes</i> Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Berkebolehan mengumpul dan menganalisis data trafik serta maklumat, menilai ciri-ciri jalan raya dan lebuh raya, mengenal pasti dan mencadang penyelesaian kepada isu-isu besar dan masalah semasa.	3		2	1								
2	Memahami kaedah meramal isi padu trafik, mengenal pasti masalah yang akan timbul dan mencadangkan langkah-langkah penyelesaiannya.	3		2	1					2			
3	Memahami pertalian di antara tiga ciri utama aliran trafik iaitu isi padu, ketumpatan dan laju.	3		2	1	2							
4	Memahami ciri-ciri reka bentuk persimpangan searas, kawalan lampu isyarat, reka bentuk geometri dan turapan jalan raya dan lebuh raya.	3		2	1								
5	Berkebolehan bekerja dalam satu pasukan bagi menilai aspek-aspek kekuatan tanah, mereka bentuk turapan yang sesuai baginya dan menjalankan kajian trafik di lapangan.	2		2	3	3	2			3			
6	Berkebolehan menghasilkan laporan-laporan makmal yang baik dan memuaskan.	2		2	2	2	1			3			

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi,
 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKH3263 Pengurusan Kejuruteraan Awam

Matlamat kursus ini ialah memperkenalkan kepada pelajar pelbagai aspek dalam mengurus sesebuah projek terutamanya projek kejuruteraan awam. Perbincangan akan mengfokus bermula dari fasa permulaan projek iaitu kajian kemungkinan, konsep projek, kos awalan, penyediaan dokumen tender, undang-undang kontrak, pentadbiran kontrak, pembinaan dan penyelenggaraan serta jaminan kualiti dan kawalan kualiti. Beberapa contoh dokumen akan di berikan sepanjang waktu perkuliahan. Selain tugas yang merangkumi aspek tender dan kontrak, pelajar juga akan diberikan tugas-tugas yang merangkumi aspek pengurusan tapak dan penyediaan laporan teknikal.

Bacaan Asas

Aisten A. D. dan Heale R. H. 1994. *Mengurus Projek Pembinaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Frederick E. Gould and Nancy E. Joyce. 2003. *Construction Project Management*. Prentice3 Hall Publisher.

Jabatan Kerja Raya Malaysia. 1990. *Panduan Pentadbiran Kontrak*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

Jabatan Kerja Raya. 1985. *Standard Specifications for Building Works*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

Major W. T. 1990. *The Law of Contract*. London: Mac Donald & Evans Ltd.

Peter G. 1989. *Management and Construction Control*. New York: Longman Inc.

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	<i>Outcomes</i> Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Memahami teori dan kemahiran berhubung pengurusan pembinaan dalam bidang kejuruteraan awam	3		2	2			1	1			2	
2	Memahami konsep asas perundangan dan pentadbiran kontrak dan tender yang wujud di Malaysia		2					2				2	
3	Berkebolehan dalam kemahiran asas komputer dalam menyelesaikan masalah		2										
4	Berkebolehan menyampaikan pembentangan yang baik dan penerangan yang jelas di hadapan pelajar-pelajar lain.		3										
5	Berkebolehan bekerja berkumpulan dalam menyelesaikan pelbagai tugas yang diberikan.		2		2		3				2		

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi,
3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH3273 Konkrit Tetulang

Matlamat kursus ini ialah untuk memberikan kefahaman konsep rekabentuk dan analisis konkrit tetulang bagi struktur kejuruteraan awam. Kursus ini membincangkan aspek analisis dan rekabentuk konkrit tetulang yang merangkumi elemen struktur seperti rasuk, papak, tiang, tapak, asas dan dinding penahan. Kaedah rekabentuk mengambil kira keadaan had kebolehhidmatan dan keadaan had muktamad. Keperluan ricih dan pesongan juga dibuat dalam kursus ini. Kursus ini juga mengandungi projek rekabentuk yang melibatkan sesuatu struktur kejuruteraan awam. Penggunaan perisian komputer rekabentuk dan analisis struktur juga dibuat dalam kursus ini.

Kursus ini adalah pelengkap kursus struktur yang lain iaitu KH2273 Mekanik Struktur dan KH3223 Analisis Struktur.

Pra-keperluan: KH2273 Mekanik Struktur dan KH3223 Analisis Struktur.

Bacaan Asas

MacGinley, T.J. dan Choo, B.S. 1993. *Reinforced Concrete Design Theory and Examples*. London: E & FN Spon.

Martin, L.H., Croxton, P.C.L., dan Purkiss, J.A. 1989. *Concrete Design to BS 8110*. London: Edward Arnold.

Mat Lazim Zakaria dan Shahrin Muhamad. 1990. *Reka Bentuk Konkrit Prategasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	Outcomes Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Berkebolehan untuk memahami proses rekabentuk struktur yang lengkap daripada peringkat awal struktur sehingga rekabentuk terperinci.	1		3		2							
2	Berkebolehan untuk mengaplikasikan analisis struktur asasi ke dalam rekabentuk struktur.		2	3			1						
3	Berkebolehan untuk merekabentuk elemen struktur dan mengabungkan konsepnya dalam rekabentuk keseluruhan struktur.				3			2		3			
4	Berkebolehan menggunakan klaus dalam kod dan menggunakannya dalam keseluruhan proses rekabentuk					1	3				2		

5	Berkebolehan menggunakan rumus empirical dalam aspek praktikal dan struktur sebenar.				2			3		2			
	Berkebolehan memahami rekabentuk struktur secara kualitatif dan kuantitatif.					3			2			1	
6	Berkebolehan menggunakan pengetahuan rekabentuk dalam projek kejuruteraan struktur .						2	1			2		

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH4073/KKKW3223 Kejuruteraan Bekalan Air dan Sistem Pembentukan

Kursus ini mengandungi dua cabang utama kejuruteraan awam, iaitu berkaitan bekalan air dan kejuruteraan airtisa. Topik bagi bekalan air meliputi kitaran hidrologi, penentuan sumber air, takat ambil air, komponen rawatan bekalan air, kawalan kualiti air dan pembasmian kuman serta sistem agihan air. Manakala bagi kejuruteraan air sisa, topik yang diajar meliputi perundangan yang melibatkan pengurusan air sisa, ciri-ciri air sisa dan kesan ke persekitaran, kaedah pembentukan, pelupusan bahan terampai dan bahan organik terlarut dan koloid menggunakan proses fizikal, kimia dan biologi. Termasuk juga pelupusan bahan nutrien dan pengurusan enapcemar.

Bacaan Asas

- Hammer M.J., 1996: *Water and Wastewater Technology*. 3rd Edition Prentice-Hall Inc.
 Warren V., 1993. *Water Supply and Pollution Control*. 5th Edition. Harper Collins.
 American Water Works Association/American of Society of Civil Engineer 1998. *Water Treatment Plant Design*. 3rd Edition. McGraw Hill.
 Metcalf and Eddy, 1991. *Wastewater Engineering: Treatment Disposal and Reuse*. McGraw Hill.
 Malaysian Water Association 1998. Guideline for Developers:
 Volume 1: Sewerage Policy for New Development
 Volume 2: Sewerage Works Procedure
 Volume 3: Sewer Networks and Pumping Stations
 Volume 4: Sewage Treatment Plants
 Volume 5: Septic Tanks

Matrik Hasil Pembelajaran

Bil	Outcomes Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Mengetahui undang-undang yang berkaitan dengan air dan air sisa dan kesan negatifnya ke persekitaran	3										3	
2	Berkebolehan menentukan kuantiti dan kualiti air dan air sisa bagi tujuan perawatan			3								2	
3	Berkebolehan merekabentuk sistem agihan air dan pembentungan	3		3	3	3						2	
4	Memahami prinsip proses rawatan fizikal, kimia dan biologi dan penggunaannya dalam sistem rawatan air dan air buangan	2		3			2		1				
5	Memahami prinsip proses rawatan biologi anaerobik dan penggunaan sistem dalam rawatan air buangan dan enapcemar	2		2			2		1				

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH4103 Projek Ilmiah I

Matlamat kursus ini ialah untuk melatih pelajar memulakan kajian penyelidikan. Pelajar ditugaskan membuat satu projek ilmiah. Projek ini berbentuk penyelidikan yang merangkumi penganalisan data atau penganalisan rekabentuk. Setiap mahasiswa dikehendak menyediakan satu laporan lengkap yang sekurang-kurangnya mengandungi tujuan atau pengenalan, kajian perpustakaan dan rangka kerja penyelidikan atau rekabentuk. Projek ini akan diteruskan dalam KH4203 pada semester berikutnya.

Bacaan Asas

Menulis tesis Gaya UKM. 2003. Ed. 7. Pusat Pengajian Siswazah. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	<i>Outcomes</i> Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Berkebolehan mengenalpasti permasalahan kajian dan menentukan objektif kajian				3				1				
2	Berkebolehan mencari dan mengumpul maklumat dari pelbagai sumber								3				
3	Berkebolehan merancang kerja dan merekabentuk kaedah kajian atau eksperimen				2			1	1	3			
4	Berkebolehan menulis laporan teknikal		3						1				
5	Berkebolehan membentangkan laporan teknikal		3						1				

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH4153 Rekabentuk Kejuruteraan I

Kursus ini adalah bahagian pertama dari kursus Rekabentuk Kejuruteraan yang juga akan ditawarkan pada semester II. Pelajar hendak melengkapkan segala kerja kursus dalam kursus ini sebelum boleh mengambil Rekabentuk Struktur II. Matlamat kursus ini ialah memberikan kefahaman dan kemahiran dalam membuat keputusan untuk memilih konsep yang sesuai digunakan didalam sesuatu projek. Kursus ini melatih pelajar untuk bekerja secara berkumpulan dan bertanggungjawab menjalankan tugas secara individu. Kursus ini juga melatih pelajar untuk menyediakan laporan dan memberi penyampaian lisan dengan berkesan. Pelajar akan diberikan satu lakaran tapak kawasan pembinaan atau melawat ke suatu kawasan yang akan dicadangkan untuk dilaksanakan pembinaan yang akan menempatkan beberapa bangunan. Pelajar akan dilatih untuk menyediakan konsep rekabentuk dan lukisan kerja tanah sesuai dengan susun-aturnya dan rekabentuk bangunan. Pelajar dikehendaki menyediakan konsep merekabentuk bagi keseluruhan projek untuk sistem jalan, peparitan, pengaliran, bekalan air, pembentungan, rawatan sisa, sub-struktur dan struktur. Pelajar juga dikehendaki menyediakan anggaran kos awalan bagi projek yang dijalankan.

Pra-Keperluan (jika ada):

KH2243 Ukur Kejuruteraan,
KH3123 Mekanik Struktur,
KH2253 Geoteknik I,
KH3133 Hidraulik Saluran Terbuka,
KH3143 Kejuruteraan Pengangkutan,

KH3223 Analisis Struktur,
 KH3243 Kejuruteraan Jalan Raya,
 KH4123 Rekabentuk Struktur I, dan
 KH4323 Rekabentuk Struktur II.

Bacaan Asas

Jabatan Kerja Raya Malaysia, 1990. *Pentadbiran Kontrak Kerja Raya*, No. JKR: 20800-0035-90.

Gould F. E. and Joyce N. E. 2003. *Construction Project Management*. 2nd Ed. Prentice Hall.

Clough R H, Sears G A and Sears S K.

Matriks Hasil Pembelajaran

	Outcomes Kursus (OK)	P O 1	p O 2	p O 3	p O 4	P O 5	P O 6	P O 7	P O 8	P O 9	P O 10	P O 11	P O 12
1	Menyediakan laporan tapak dan lukisan kerja tanah.							3	3				
2	Menyediakan lukisan konsep rekabentuk komponen kejuruteraan.	3								1			
3	Menyediakan laporan konsep rekabentuk kejuruteraan dan kos anggaran awalan.				3								
4	Menyampaikan penerangan secara visual dan lisan mengenai kaedah rekabentuk.		3										

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi,
 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH4193 Pengurusan Projek

Di dalam kursus ini, pelajar diberi penjelasan tentang hubungan pengurusan projek yang mengambilkira elemen pengawalan kos terhadap tenaga sumber manusia, jentera dan bahan. Oleh yang demikian pelajar akan didedahkan tentang pengurusan projek sesebuah projek terutamanya projek kejuruteraan awam, jentera pembinaan, kerja tanah, keselamatan di tapak bina, kos projek, teknik-teknik perancangan projek seperti laluan kritikal (CPM), PERT, Microsoft Project atau Primavera. Seterusnya, pelajar juga akan diperkenalkan dengan pengawalan dan pemantauan projek, kemaskini dan peningkatan kemajuan projek. Aspek pengurusan kewangan juga akan disentuh iaitu, analisa penyata kewangan pengkosan unit, penyediaan belanjawan dan penilaian pelaburan.

Bacaan Asas

Saleh Mubarak 2005. *Construction Project Scheduling and Control*. Pearson Prentice Hall Publisher.

Frederick E. Gould and Nancy E. Joyce. 2003. *Construction Project Management*. Prentice3 Hall Publisher.

Peter G. 1989. *Management and Construction Control*. New York: Longman Inc.

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	<i>Outcomes</i> Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Mampu membuat perancangan kerja sesebuah projek pembinaan dengan menggunakan kaedah yang sesuai.	2		2	2								
2	Memahami bagaimana kaedah untuk memantau mengenalpasti dan mengatasi masalah serta kekangan dalam sesebuah projek pembinaan.	2		2	2								
3	Memahami kepentingan perisian komputer dalam mengurus projek (contohnya; Primavera dan Microsoft Project).	2	2			3							1
4	Memahami kepentingan keselamatan di tapak bina.	1	3						1			1	
5	Mampu bekerja berkumpulan dalam menyelesaikan pelbagai tugas yang diberikan.		2		2		3				2		
6	Mengetahui jenis-jenis jentera pembinaan serta fungsi-fungsinya.	2		3			2		1				

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH4223 Amalan Kejuruteraan Geoteknik

Matlamat kursus ini memberikan pengetahuan asas dan aplikasi yang melibatkan reka bentuk kejuruteraan geoteknik yang diperlukan oleh jurutera awam. Reka bentuk geoteknik adalah amalan yang amat penting dalam semua bentuk pembinaan termasuk bangunan, empangan, tetambak jalan/lebuhraya, jambatan dan lain-lain. Antara tajuk-tajuk yang dikaji adalah reka bentuk geoteknik bagi asas cetek, asas dalam, tembok penahan dan cerun.

Pra-Keperluan: KKKH 3153 Geoteknik II

Bacaan Asas

Das, B.M. 2004. *Principles of Foundation Engineering*, 5th Ed., PWS.

Coduto, D.P. 1994. *Foundation Design: Principles and Practice*, Prentice Hall.

Cernica, J.N. 1995. *Geotechnical Engineering: Foundation Design*, John Wiley and Sons.

Bowles, J.E. 1997. *Foundation Analysis and Design*, 5th Ed., Mc Graw Hill.

McCarthy, D.F. 1998. *Essentials of Soil Mechanics and Foundations*, 5th Ed., Prentice Hall.

Matriks Hasil Pembelajaran

	Outcomes Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Berkebolehan mengumpul dan menganalisis data dan maklumat, menilai keadaan di tapakbina dan mengenalpasti tanah bermasalah.	1		1	1					1			1
2	Berkebolehan menggunakan pengetahuan asas mekanik tanah didalam rekabentuk geoteknik.		1	3	3					1		1	
3	Berkebolehan menggunakan asas prinsip rekabentuk dalam penyelesaian masalah di lapangan dan juga lain-lain masalah sebenar.		1	3	3					1			
4	Berkebolehan bekerja sebagai satu kumpulan di dalam memberi penilaian terhadap berbagai-bagai aspek rekabentuk geoteknikal.		1	1						1			
5	Berkebolehan menghasilkan dan membentang laporan kejuruteraan bagi satu-satu rekabentuk geoteknik, dengan menerangkan kemampuan dan kegunaannya.		1	1						1			

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi,
3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH4253 Rekabentuk Kejuruteraan II

Kursus ini adalah sambungan dari kursus Rekabentuk Kejuruteraan I yang ditawarkan dalam semester I. Matlamat kursus ini ialah memberikan kefahaman dan kemahiran dalam melakukan rekabentuk kejuruteraan dan menyediakan dokumen tender untuk projek pembinaan kejuruteraan awam. Kursus ini melatih pelajar untuk bekerja secara berkumpulan dan bertanggungjawab menjalankan tugas secara individu. Pelajar dikehendaki menganalisa, merekabentuk dan menyediakan lukisan untuk jalan dan peparitan, sistem pengaliran, sistem bekalan air, dan sistem pembuangan sisa. Pelajar dikehendaki menyediakan rekebentuk struktur serta menyediakan sebahagian lukisan untuk susun-aturnya, susun atur lantai, perincian untuk lantai, rasuk, tiang, dan bumbung sebahagian bangunan. Kursus ini juga melatih pelajar untuk menyediakan laporan dan memberi penyampaian lisan dengan berkesan

Pra-Keperluan (jika ada): KH2243 Ukur Kejuruteraan,
KH3123 Mekanik Struktur,
KH2253 Geoteknik I,
KH3133 Hidraulik Saluran Terbuka,
KH3143 Kejuruteraan Pengangkutan,
KH3223 Analisis Struktur,
KH3243 Kejuruteraan Jalan Raya,
KH3273 Rekabentuk Struktur I,
KH4323 Rekabentuk Struktur II dan
KH4153 Rekabentuk Kejuruteraan I.

Bacaan Asas

Jabatan Kerja Raya Malaysia, 1990. *Pentadbiran Kontrak Kerja Raya*, No. JKR: 20800-0035-90.

Gould F. E. and Joyce N. E. 2003. *Construction Project Management*. 2nd Ed. Prentice Hall.

Matriks Hasil Pembelajaran

	Outcomes Kursus (OK)	P O 1	P O 2	P O 3	P O 4	P O 5	P O 6	P O 7	P O 8	P O 9	P O 10	P O 11	P O 12
1	Menyediakan dokumen perkiraan rekabentuk kejuruteraan.							3	3	1			
2	Menyediakan lukisan susunatur, komponen pembinaan, dan perincian pembinaan bagi projek pembinaan.	3								2			
3	Menyediakan anggaran kuantiti dan anggaran harga.				3					3			
4	Menyampaikan penerangan secara visual dan lisan mengenai konsep dan kaedah rekabentuk serta perlaksanaan projek.		3							4			

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi,
 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH4323 Rekabentuk Struktur II (Kayu dan Keluli)

Matlamat kursus ini ialah memberikan kefahaman dalam teori dan kemahiran dalam rekabentuk struktur keluli dan kerja kayu. Kursus ini juga melatih pelajar untuk membangunkan program komputer menggunakan perisian hamparan data. Kursus ini juga melatih pelajar untuk memberi penerangan lisan mengenai konsep dan rekabentuk yang digunakan. Bagi struktur keluli, konsep rekabentuk yang digunakan ialah keadaan had yang berasaskan teori plastik untuk merekabentuk anggota mampatan, anggota tahanan, rasuk, galang, asas plat, sambungan-sambungan, kerangka kekuda dan kerangka portal. Bagi struktur kayu pula, konsep yang digunakan ialah tegasan izin yang berasaskan teori anjal. Tumpuan diberikan kepada anggota lentur, anggota mampatan, anggota tegangan, sambungan dan kekuda bumbung.

Bacaan Asas

The Steel Construction Institute. 2000. *Steelwork Design Guide to BS 5950: Part 1: 2000*. Volume 2, Worked Examples. SCI Publication.

The Steel Construction Institute. 2000. *Introduction to Steelwork Design to BS 5950: Part 1*.

British Standard. 2001. *Structural Use of steelwork in building*. Part 1: Code of Practice for design, rolled and welded sections.

The Steel Construction Institute. 1999. *Wind-moment Design of Low Rise Frames*. SCI P263.

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	<i>Outcomes</i> Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Memahami rekabentuk struktur kayu.							3	3				
2	Memahami rekabentuk struktur keluli.	3											
3	Berkebolehan menghasilkan kaedah merekabentuk beberapa elemen struktur menggunakan perisian hamparan data.				3								2
4	Berkebolehan menyampaikan penerangan secara visual dan lisan mengenai kaedah rekabentuk.												
5	Berkebolehan menghasilkan rekabentuk dan lukisan binaan sebuah bangunan yang menggunakan bahan kayu dan/atau keluli.								3				2

1 = Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKW3213 Prinsip Proses Kimia & Biologi

Matlamat kursus ini ialah untuk memperkenalkan kepada pelajar teknik asas pengiraan kejuruteraan meliputi konsep unit dan stoikiometri; prinsip imbalan bahan dan tenaga; merumus dan menyelesaikan imbalan bahan dan tenaga bagi proses reaktif dan tidak reaktif; menyelesaikan imbalan bahan ke atas proses berbilang unit, edaran semula dan pirau; serta pengenalan kepada asas-asas mikrobiologi.

Kursus ini adalah wajib bagi semua pelajar Program Kejuruteraan Awam & Sekitaran.

Bacaan Asas

Felder, R.M. & Rousseau, R.W. 1999. *Elementary Principles of Chemical Processes*. 3rd edition. New York: John Wiley.

Lee, J.M. 1982. *Biochemical Engineering*. Englewood, New Jersey: Prentice Hall.

Himmelblau, D. 1996. *Basic Principles and Calculations in Chemical Engineering*. 6th edition. Englewood, New Jersey: Prentice-Hall.

Scragg, A.H. 1991. *Bioreactors in Biotechnology: A Practical Approach*. New York: Ellos Horwood.

Vaccari, D & Alleman, J. 2001. *Biology for Environmental Engineering*. McGraw Hill.

Matriks Hasil Pembelajaran

	Outcomes Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Berkebolehan menggunakan prinsip proses kimia dan biologi dalam bidang kejuruteraan sekitaran contohnya dalam proses rawatan air sisa dan kawalan pencemaran.	2			2	2						2	
2	Berkebolehan bekerja dalam kumpulan						2	2					

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi,

3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKW4013 Pengurusan Sisa Pepejal

Kursus ini adalah bertujuan untuk memberikan pemahaman dan pendedahan lanjut kepada asas perancangan, rekabentuk dan analisa terhadap elemen utama dalam pengurusan sisa pepejal. Kursus ini merangkumi pembelajaran tentang kaedah dan teknologi merawat dan melupuskan sisa pepejal. Aspek-aspek yang dibincangkan termasuklah konsep-konsep asas pengurusan sisa pepejal, penerangan tentang ciri-ciri sisa pepejal, kadar penjanaan sisa, kaedah pengumpulan, storan dan pelbagai kaedah dan rekabentuk rawatan sisa serta pelupusan sisa pepejal. Kursus ini juga memperkenalkan konsep umum tentang isu-isu kemasyarakatan, perundangan dan permasalahan pengurusan sisa pepejal berintegrasi.

Bacaan Asas

- Tchobanoglous, G., Theisen, H. and Eliassen, R. (1993), *Solid wastes: Engineering principles and management issues*, McGraw-Hill.
- Vesilind, P.A., Worrell, W.A. and Reinhart, D.R. (2002), *Solid Waste Engineering*, Brookes/Cole, Thomson Learning.
- Pfeffer, J.T. (1992), *Solid waste management engineering*, Prentice Hall, New Jersey.
- Bagchi, A., (1990), *Design, construction and monitoring of sanitary landfills*, John Wiley and Sons.
- Malaysia (1990), Technical guideline on sanitary landfilling - Design and Operation, Ministry of Local Government and Housing.
- Malaysia (1988), *A guideline on the storage, collection, transport and disposal of solid waste in Malaysia*, Ministry of Local Government and Housing.

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	Outcomes Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Memahami asas perancangan dan pengurusan sisa pepejal serta isu semasa yang berkaitan	3			3			3	1			3	
2	Memahami punca-punca penjanaan, kuantiti & ciri-ciri sisa pepejal dan kesan pencemaran kepada alam sekitar dan kesihatan awam	3			3							3	
3	Memahami teknologi dan kaedah-kaedah yang digunakan untuk merawat atau melupuskan sisa	3		3	3	3							
4	Berkebolehan mengenal-pasti masalah setempat dan dapat menyelesaikan dengan kaedah kejuruteraan yang sesuai	3	2			3			2		2	3	

5	Menyedari tugas, tanggungjawab professional & etika jurutera yang berkaitan dengan sekitaran							3						
6	Berkebolehan menyediakan laporan teknikal		2											

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKW4113 Sistem Bioreaktor

Matlamat kursus ini ialah untuk memberi pengetahuan dan kefahaman tentang prinsip asas sistem bioreaktor dan kinetik pertumbuhan mikroorganisma dan kebolehan untuk merekabentuk sistem tersebut bagi penggunaan kejuruteraan persekitaran. Topik yang diajar meliputi pertumbuhan kinetik sel untuk proses sesekumpul dan selanjara, rekabentuk dan analisis sistem bioreaktor pertumbuhan terampai dan biofilem, sistem bioreaktor bagi pencernaan enapcemar dan pendedahan tentang sistem bioreaktor untuk rawatan lanjutan.

Kursus ini adalah wajib bagi semua pelajar Program Kejuruteraan Awam & Sekitaran.

Pra-Keperluan (jika ada): KW3213 Prinsip Proses Kimia dan Biologi

Bacaan Asas

Blanch H.W. and Clark D.S., 1996. *Biochemical Engineering*. New York: Marcel Dekker
Lee J.M., 1982. *Biochemical Engineering*. New Jersey: Prentice Hall.

Rittmann B.E. and McCarty P.E., 2001. *Environmental Biotechnology: Principles and Applications*. New York: McGrawHill.

Scragg A.H., 1991. *Bioreactors in Biotechnology : A Practical Approach*. New York: Ellis Horwood.

Vaccari D. and Alleman J. 2001. *Biology for Environmental Engineering*. New York: McGraw Hill.

Malaysian Water Association. 1998. Guideline for Developers:

Volume 4: Sewage Treatment Plants

Volume 5: Septic Tanks

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	<i>Outcomes</i> Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Memahami kinetik pertumbuhan mikroorganisma dan prinsip sistem bioreaktor	3											
	Memahami prinsip sistem bioreaktor	3											
2	Mengetahui dan berkebolehan merekabentuk jenis-jenis sistem reaktor pertumbuhan terampai bagi rawatan sisa	2		3			2		1				
3	Mengetahui dan berkebolehan merekabentuk jenis-jenis sistem reaktor biofilem bagi rawatan sisa	2		3			2		1				
4	Mengetahui dan memahami prinsip dan rekabentuk pencerna anaerobik bagi rawatan enapcemar	2		2			2		1				
6	Berkebolehan merekabentuk bioreactor menggunakan SuperPro Designer	2	3	2	3		3		1				

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH4023 Analisis Struktur Lanjutan

Matlamat kursus ialah untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada pelajar terhadap analisis struktur yang lebih khusus kefahaman kepada kelakuan struktur dinamik, analisis plat dan kelompang.

Pra-Keperluan (jika ada): KF1043 Mekanik Gunaan, KH2123 Kekuatan Bahan dan KH 3223 Analisis Struktur

Bacaan Asas

Clough, R.W. dan J. Penzien. 1982. *Dynamics of Structures*, McGraw-Hill, New York.

Craig, R.R. 1989. *Structural Dynamics*, John Wiley, New York.

Timoshenko, S. Dan S.W. Krieger. 1987. *Theory of Plates and Shells*, McGraw-Hill, New York.

Ugural, A.C. 1981. *Stresses in Plates and Shells*, McGraw-Hill, New York.

Ramn, E. 1982. *Buckling of Shells*, Springer-Verlag, New York.

Marshal, W.T. & H.M. Nelson. 1990. *Structures*. 3rd. Edition. London: Longman.

Matriks Hasil Pembelajaran

	Outcomes Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Memahami kelakuan struktur yang menerima beban dinamik.	3		2	2							1	
2	Berkebolehan mengenalpasti dan menganalisis pelbagai bentuk beban dinamik yang bertindak ke atas struktur.	3		2	2								
3	Berkebolehan menganalisis dan menyelesaikan masalah struktur dinamik samada berdarjah kebebasan tunggal dan berbilang darjah kebebasan.			2	2								
4	Berkebolehan menganalisis dan menyelesaikan masalah plat segiempat yang mengalami lentur permukaan silinder, plat lentur tulen dan plat tersokong mudah..			2	2								
5	Berkebolehan menganalisis dan menyelesaikan masalah struktur plat yang mengalami pesongan kecil.												

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH4033 Kejuruteraan Sungai

Pengenalan Kejuruteraan Sungai, hidrologi fizikal, teori linear sistem hidrologi, sintesis dan analisis hidrograf, hidrograf unit; hidrologi banjir, perjalanan banjir takungan dan sungai (*reservoir and river flood routing*), perjalanan gelombang kinematik banjir (*kinematic wave flood routing*); falsafah rekabentuk hidrologi, lengkung keamatan frekuensi tempoh, rekabentuk kedalaman hujan (*design precipitation depth*), rekabentuk air larian, rekabentuk betung air larian, rekabentuk aliran, analisa dataran banjir; aplikasi prosedur hidrologi di Malaysia untuk rekabentuk air larian dan banjir

Bacaan Asas

- Bedient, P.B. and Huber, W.C., 1992. *Hydrology and Floodplain Analysis*, Addison Wesley Publishing Company, New York.
- Chow, V.T, Maidment, D.R. and Mays, L.W., 1988. *Applied Hydrology*, Macgraw Hill, New York.
- Mc Cuen, R.H., 1998. *Hydrologic Analysis and Design*, Prentice –Hall, New York.
- Ponce, V.M., 1989. *Engineering Hydrology, Principles and Practices*, Prentice-Hall, New york.

Singh, V.P., 1992. *Elementary Hydrology*, Prentice-Hall, New York.

Viessman Jr., W, Lewis, G.L. and Knapp, J.W., 1989. *Introduction to Hydrology*, Harper Collins. New York.

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	<i>Outcomes</i> Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Memahami konsep perjalanan sungai dan takungan (<i>river and reservoir routing</i>)	3			1								
2	Memahami konsep serta kaedah pengiraan yang dalam hidrologi ramalan banjir	3		2	1								
3	Mengetahui mengenai falsafah rekabentuk hidrologi dan aplikasinya di Malaysia	2		1	2			1	1			2	

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH4043 Teori Aliran Trafik

Matlamat kursus ini ialah memberikan pengetahuan, kefahaman dan sintesis kepada bidang-bidang utama dalam teori aliran trafik. Bidang utama ini meliputi aspek-aspek pengukuran dan pengumpulan data trafik, aliran, kelajuan dan ketumpatan, mendalami ciri-ciri mikroskopik dan makroskopik aliran, kelajuan dan ketumpatan. Di samping itu pelajar diajar cara-cara menganalisis permintaan dan bekalan sistem trafik, analisis muatan di kawasan jalinan dan tanjakan lebuh raya, analisis trafik di kawasan bulatan, persimpangan tanpa lampu isyarat dan berlampu isyarat, analisis gelombang kejutan, analisis baris-giliran di persimpangan berlampu isyarat dan mendalami model-model penyelakuan aliran trafik menggunakan perisian komputer yang terdapat di jabatan. Pelajar dikehendaki mampu memahami dan menganalisis teori-teori dan kaedah-kaedah yang digunakan melalui masalah-masalah yang dikemukakan dalam tutoran.

Kursus ini merupakan kursus elektif kepada semua pelajar dalam kedua-dua program iaitu kejuruteraan awam dan struktur dan kejuruteraan awam dan sekitaran.

Pra-Keperluan (jika ada): KKKF 2033 (Statistik Kejuruteraan) dan KKKH3243 (Kejuruteraan Jalan Raya)

Bacaan Asas

- May, A.D. 1990. *Traffic Flow Fundamentals*. New Jersey: Prentice Hall.
- Gerlough, D.L. & J.H. Matthew. 1975. *Traffic Flow Theory: A Monograph*. Special Report 165. Washington, D.C: National Research Council.
- Institute of Transportation Engineers. 1992. *Traffic Engineering Handbook*. James L. Pline (editor). 4th edition. New Jersey: Prentice Hall.
- Transportation Research Board. 1994. *Highway Capacity Manual*. Special Report 209. 3rd edition. Washington, D.C: National Research Council.
- Transportation Research Board. 1980. *Interim Materials On Highway Capacity*. Circular 212. Washington, D.C: National Research Council.

Matrik Hasil Pembelajaran

	Outcomes Kursus	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Berkebolehan untuk menganalisis data dan maklumat, menilai teori-teori yang terlibat, dan mengenal pasti isu-isu besar serta masalah semasa.	2		2	2		1					1	
2	Berkebolehan untuk memahami teknik-teknik yang terlibat di dalam analisis permintaan dan bekalan sistem trafik, meramal permintaan trafik masa depan, dan mengenal pasti masalah di masa akan datang.	1		2	1				2				
3	Berkebolehan untuk menganalisis baris-giliran yang terbentuk di persimpangan tanpa lampu isyarat dan persimpangan berlampu isyarat serta mencadangkan kerja-kerja pemulihan untuk mengatasi masalah ini.					2		1					
4	Berkebolehan untuk menghasilkan laporan berasaskan projek berkomputer yang baik dan memuaskan.		2	2			2						
5	Berkebolehan untuk memperolehi pengetahuan baru secara bersendirian.								2				

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH4053 Pembaikan Tanah

Matlamat kursus ini ialah memberikan pengetahuan dan kefahaman mengenai teknik-teknik pembaikan tanah dalam kejuruteraan geoteknik. Antara topik-topik yang akan dibincangkan adalah sebab-sebab dan keperluan pembaikan tanah; teknik mekanik seperti pemadatan (termasuklah teori pemadatan, konsep pemadatan, pengujian makmal dan di situ, kelengkapan pemadatan, dll.), pemadatan dinamik, pemadatan penggetar, apungan getar / gantian getar, dan pemadatan secara letupan; teknik hidrolika seperti pengepaman, pengukuhan dengan saliran tegak/pasir, pengukuhan hampagas, dan elektroosmosis; teknik fizik-kimia seperti penstabilan kimia dan rawatan haba; dan teknik masukan seperti tetulang tanah dan geosintetik.

Pra-Keperluan (jika ada): KH2253 (Geoteknik I) dan KH3153 (Geoteknik II)

Bacaan Asas

Hausmann, M.R., 1990. *Engineering Principles of Ground Modification*. New York: McGraw-Hill.

Moseley, M.P. 2004. *Ground Improvement*. 2nd Edition. London: Spoon Press.

Bergado, D.T., Anderson, L.R., Miura, N., and Balasubramaniam, A.S. 1996. *Soft Ground Improvement*. New York: ASCE Press.

Das, B.M. 1999. *Principles of Foundation Engineering*, 4th edition. Boston: PWS

Bell, F.G. 1993. *Engineering Treatment of Soils*. London: E & FN Spoon.

Matriks Hasil Pembelajaran

	Outcomes Kursus (OK)	P O 1	P O 2	P O 3	P O 4	P O 5	P O 6	P O 7	P O 8	P O 9	P O 10	P O 11	P O 12
1	Berkebolehan menggunakan pengetahuan asas mekanik tanah dalam kerja pembaikan tanah	3		3									
2	Berkebolehan untuk mengumpul dan menganalisis data untuk menilai tanah yang memerlukan pembaikan.			2	2					2		1	
3	Memahami kaedah-kaedah pembaikan tanah serta had-had setiap teknik tersebut.			3	3	2		1				2	
4	Berkebolehan untuk menyampaikan laporan secara bertulis dan lisan		3										

1= Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH4063 Teknologi Konkrit Lanjutan

Matlamat kursus ini ialah memberikan pengetahuan dan kefahaman mengenai teknologi konkrit terkini termasuk pengetahuan mengenai penggunaan bahan-bahan baru untuk menghasilkan konkrit yang bermutu tinggi. Antara topik-topik yang akan dibincangkan adalah sifat-sifat konkrit, bahan tambah untuk konkrit, konkrit prestasi tinggi serta rekabentuk bancuhan, konkrit ringan serta bancuhan, konkrit tetulang gentian, konkrit polimer, konkrit pengisitepuan polimer, konkrit sulfur, konkrit tergelek padat, konkrit berat, simenfero dan kaedah pengkonkritan dicuaca panas

Bacaan Asas

Swamy, R.N., 1983. *New Concrete Materials*. Surrey University Press.

E. Vazquez, 1990. *Admixtures for Concrete, Improvement of Properties*. Chapman and Hall.

Neville, A.M. dan Brooke, J.J. 1990. *Concrete Technology*. ELBS/Longman.

Mehta, P.K.. dan P.J.M. Monteiro, 1993. *Concrete: Structure, Properties and Materials, 2nd. Edition*. Prentice Hall.

Peter J.M. Bartos, 1994. *Special Concrete, Workability and Mixing*. E & FN Spon.

Dr. Edward G. Nawy, 1996. *Fundamentals of High Strength High Performance Concrete*. Longman.

Matriks Hasil Pembelajaran

	<i>Outcomes</i> Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Berkebolehan menggunakan pengetahuan asas teknologi konkrit dalam kerja pembinaan bangunan			3	3			2	2	3		2	
2	Berkebolehan untuk menggunakan bahan-bahan terkini untuk penghasilan konkrit berkualiti tinggi.	2		3	2					2		1	
3	Memahami kaedah-kaedah terkini dalam merekabentuk bancuhan konkrit.			3	3	2		1				2	1
4	Berkebolehan untuk menyampaikan laporan secara bertulis dan lisan		2										

1 = Berkaitan dengan PO tetapi tiada penilaian, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuhnya PO dengan penilaian rasmi

KKKH4083 Sistem Kawalan Pintar Lalu Lintas Bandar

Matlamat kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan dan kefahaman kepada pelajar berkenaan kawalan lalu lintas bandar dan penggunaan pintar buatan dalam menyelesaikan masalah lalu lintas. Ia akan melibatkan kajian kepada sistem kawalan persimpangan terpisah; Konsep ofset dan penyelarasan lampu isyarat; Berbagai jenis sensor lampu isyarat; Pemprosesan imej dan pengesanan video dalam lalu lintas; Sistem-sistem kawalan lalu lintas bandar yang sedia ada seperti SCATs, SCOOT, ITACA, MAXBAND dan UTOPIA; Sistem kawalan generasi pertama, kedua dan ketiga; Sistem komunikasi; Arkitektur logik; Arkitektur fizikal; Bilik kawalan; Penggunaan pintar buatan dalam kawalan lalu lintas seperti rangkaian neural, algoritma genetik, sistem pakar dan logik kabur.

Kursus ini melengkapkan lagi kursus-kursus wajib dalam bidang pengangkutan, iaitu KH3143 (Kejuruteraan Pengangkutan) dan KH3243 (Kejuruteraan Jalan Raya)

Pra-Keperluan (jika ada): KH3243 (Kejuruteraan Jalan Raya) atau yang setara dengannya

Bacaan Asas

Asri Hassan, Mohammad Rehan Karim, Meor Othman Hamzah. 1990. *Pengenalan Sistem Kawalan Lampu Isyarat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

McShane W.R., Roess R.P. dan Prassas, E.S. 1998. *Traffic Engineering*. New Jersey: Prentice Hall.

Papacostas C.S. dan Prevedouros P.D. 2001. *Transportation Engineering & Planning*. New Jersey: Prentice Hall.

Riza Atiq. 2005. *Sistem Kawalan Lalu Lintas Bandar*. Dewan Bahasa. Kuala Lumpur

Matriks Hasil Pembelajaran

Bil.	<i>Outcomes</i> Kursus (OK)	PO 1	PO 2	PO 3	PO 4	PO 5	PO 6	PO 7	PO 8	PO 9	PO 10	PO 11	PO 12
1	Berkebolehan merekabentuk sistem kawalan lampu isyarat bagi persimpangan terpisah	2											
2	Memahami konsep kawalan lampu isyarat bandar	2		2									
3	Memahami pemprosesan imej dan pengesanan video dalam lalu lintas	2											
5.	Berkebolehan membentangkan dan mempertahankan hasil kajian	1	2	1	3	2	2	1		2

1= Memenuhi PO tanpa penilaian rasmi, 2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi, 3 = Memenuhi sepenuh PO dengan penilaian rasmi

Akta dan Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjanamuda) 1990

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh perenggan 13 Akta Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjanamuda) 1990, Senat Universiti Kebangsaan Malaysia membuat Peraturan seperti berikut:

1. Nama, Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian

- 1.1 Peraturan ini boleh dinamakan Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjanamuda) 1990 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1hb Julai, 1991.
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua pelajar yang mula mengikuti sesuatu program yang mengurniakan suatu Ijazah selepas tarikh Peraturan ini mula berkuatkuasa.

2. Syarat Penerimaan Masuk

- 2.1 Keperluan Pelajaran Asas
 - 2.1.1 Sijil Pelajaran Malaysia
Pelajar mestilah lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan yang setaraf dengannya serta lulus dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu dan:
 - 2.1.2 Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau yang setaraf
 - 2.1.2.1 Pelajar mestilah lulus dua (2) mata pelajaran sekurang-kurangnya dengan gred E dalam sekali peperiksaan STPM atau yang setaraf dengannya tidak termasuk Pengajian Am/Kertas Am;
 - 2.1.2.2 Pelajar mestilah juga lulus sekurang-kurangnya dengan gred E mata pelajaran Pengajian Am/Kertas Am **atau:**
 - 2.1.3 Sijil Matrikulasi UKM atau Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
Pelajar mestilah lulus kursus Matrikulasi UKM atau Sijil Matrikulasi KPM; **atau**
 - 2.1.4 Kelayakan lain
 - 2.1.4.1 Pelajar mestilah mempunyai kelayakan lain dan/atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat seperti yang tersenarai di dalam Buku Panduan Fakulti masing-masing.
 - 2.2 Syarat-syarat Masuk Yang Lain
Pelajar mestilah juga:
 - 2.2.1 dapat memuaskan Senat tentang kecekapan mereka bertutur dalam Bahasa Melayu;
 - 2.2.2 mengambil apa-apa ujian serta menghadiri temuduga seperti yang ditentukan oleh Senat untuk menilai kelayakan mereka mengikuti kursus di Universiti;

- 2.2.3 menunjukkan lazimnya bahawa mereka berumur tujuh belas tahun atau lebih pada hari pertama tahun akademik yang mereka mohon masuk;
- 2.2.4 menunjukkan bukti dalam borang yang disediakan oleh Universiti bahawa mereka adalah cukup sihat dan berupaya untuk mengikuti kursus pengajian di Universiti; dan
- 2.2.5 memenuhi apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.
- 2.3 Penerimaan masuk Pelajar ke Fakulti bergantung kepada budi bicara Senat.
- 2.4 Penerimaan masuk ke mana-mana Fakulti tidak semestinya bermakna bahawa seseorang Pelajar dibenarkan memilih sendiri bidang pengkhususan dalam program pengajian tertentu di Fakulti itu walaupun ia mempunyai syarat-syarat khas yang ditetapkan dalam Bahagian ini. Pengagihan pelajar-pelajar ke bidang-bidang pengkhususan adalah ditetapkan mengikut budi bicara Lembaga Pemilih Fakulti. Walau bagaimanapun keutamaan masuk ke jurusan-jurusan tertentu adalah bergantung kepada syarat-syarat Fakulti yang ditetapkan tertakluk kepada penyelarasan di peringkat Universiti.

3. Struktur Pengajian

- 3.1 Jumlah Unit
Pelajar dikehendaki mengikuti sekurang-kurangnya satu ratus (100) unit kursus-kursus yang ditetapkan bagi program (Bukan Profesional) dan seratus sepuluh (110) unit kursus-kursus yang ditetapkan bagi program (Profesional) atau sejumlah unit lain yang ditetapkan oleh Senat.
- 3.2 Kursus
Pelajar dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang ditetapkan seperti berikut:
 - 3.2.1 Kursus Universiti
Pelajar dikehendaki mengikuti sejumlah:
 - 3.2.1.1 Sepuluh (10) unit kursus Pusat Pengajian Umum yang ditetapkan oleh Senat seperti berikut:
 - 3.2.1.1.1 Empat (4) unit kursus Penghayatan Falsafah Pendidikan berteraskan Nilai-nilai Mulia Sejarah (U1) seperti berikut:
 - i. Kenegaraan dan Tamadun (TITAS);
 - ii. Peradaban;
 - iii. Sejarah Sains;
 - 3.2.1.1.2 Tiga (3) unit kursus Kebolehan Untuk Berfikir dan Berkomunikasi Secara Kualitatif (U2) seperti berikut:
 - i. Falsafah Berfikir;
 - ii. Pemikiran Saintifik;
 - iii. Kemahiran Interpersonal;
 - iv. Kemahiran Menulis;
 - 3.2.1.1.3 Tiga (3) unit kursus Ilmu Pengetahuan yang luas tentang Pemikiran dan Budaya Negara Maju (U3) seperti berikut:

- i. Etika dan Moral
 - ii. Falsafah Sains;
 - iii. Pengurusan Masa;
 - iv. Falsafah Alam Sekitar;
- 3.2.1.2 Dua (2) unit kursus ko kurikulum seperti yang ditetapkan oleh Senat.
- 3.2.2 Kursus Fakulti
Pelajar dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang terdiri daripada kursus wajib dan kursus pilihan yang jumlah unitnya ditetapkan oleh Fakulti.
- 3.3 Tempoh Yang Dibenarkan
- 3.3.1 Pelajar mestilah mengikuti kursus ijazah Sarjanamuda selama tidak kurang daripada tujuh (7) semester dan tidak lebih daripada sepuluh (10) semester dikira dari tarikh pendaftaran pertama untuk mendapatkan ijazah Sarjanamuda, kecuali bagi Sarjanamuda Sains Perubatan sekurang-kurangnya enam (6) semester dan Doktor Perubatan sekurang-kurangnya lima (5) sesi dan tidak melebihi tujuh (7) sesi dan Doktor Pergigian sekurang-kurangnya lima (5) sesi dan tidak melebihi tujuh (7) sesi. Pengajian Semester ke-III tidak diambilkira bagi menentukan jumlah semester maksimum pengajian yang dibenarkan.
- 3.3.2 Pelajar yang dikecualikan daripada sebilangan unit kursus semasa penerimaan masuk, tempoh minimum yang dikenakan untuk menyelesaikan kursus pengajian bagi ijazah bergantung kepada bilangan unit yang dikecualikan.
- 3.4 Pendaftaran Kursus
- 3.4.1 Pelajar dikehendaki mendaftar kursus-kursus yang diambil pada setiap semester. Pendaftaran kursus-kursus tersebut hendaklah dilakukan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Fakulti. Pendaftaran untuk semester ke-III adalah optional;
- 3.4.2 Pelajar dikehendaki mendaftar tidak kurang sepuluh (10) unit dan tidak lebih daripada dua puluh (20) unit pada tiap-tiap semester. Pendaftaran kurang daripada sepuluh (10) unit atau lebih daripada dua puluh (20) unit hanya dibenarkan dengan kelulusan khas daripada Dekan untuk .
- 3.4.3 Pelajar yang mendapat PNGS ≥ 3.00 dan lulus semua kursus di peringkat 1000 akan dibenarkan mengambil beban maksimum sebanyak dua puluh (20) unit. Kebenaran seterusnya akan diberikan pada semester berikutnya jika pelajar kekal mendapat kelulusan PNGS ≥ 3.00 . Pelajar yang memperolehi PNGS = 2.26 – 2.99 dibenarkan mengambil beban maksimum sebanyak enam belas (16) unit sahaja manakala pelajar yang memperolehi PNGS ≤ 2.25 dibenarkan mengambil beban maksimum dua belas (12) unit. Kebenaran untuk mendaftar lebih unit daripada yang dibenarkan mestilah mendapat kebenaran Dekan/ Pengarah.
- 3.4.4 Penukaran kursus yang didaftarkan boleh dilakukan hanya dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan tiap-tiap semester. Untuk semester ke-III calon tidak dibenarkan menukar atau tambah kursus setelah semester bermula;
- 3.4.5 Pengguguran kursus yang didaftarkan boleh dilakukan dalam tempoh empat (4)

minggu pertama penilaian tiap-tiap semester. Pengguguran selepas minggu ke-4 sehingga akhir minggu ke-8 akan diberikan gred TD. Kursus yang digugurkan ini tidak akan diambil kira di dalam Purata Nilai Gred. Untuk semester ke-III calon dibenarkan menarik diri dari sesuatu kursus dan akan diberi gred TD.

4. Struktur Penilaian

4.1 Pemberian Nilai Gred

Pemberian nilai gred bagi setiap semester adalah untuk kerja kursus dan penilaian-penilaian lain yang di adakan di sepanjang semester dan peperiksaan akhir semester.

4.2 Pemberian nilai gred untuk sesuatu kursus yang ditawarkan oleh Fakulti selain daripada kursus-kursus tanpa peperiksaan akhir semester adalah dengan cara penilaian berasaskan kepada kerja kursus dan/atau peperiksaan pertengahan semester (30% - 70%) dan peperiksaan akhir semester (70% - 30%).

4.3 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

Gred	Nilai Gred	Taraf
A	4.00	Cemerlang
A-	3.67	
B+	3.33	Kepujian
B	3.00	
B-	2.67	
C+	2.33	Lulus
C	2.00	
C-	1.67	
D+	1.33	
D	1.00	
E	0.00	Gagal
L/K	LULUS/KANDAS	
TL	Tidak Lengkap	
SM	Sedang Maju	
U	Audit	
TD	Tarikh Diri	

TP	Tanggung Peperiksaan
4.4	Gred-gred berikut diberikan tanpa nilai gred:
4.4.1	L/K (Lulus/Kandas) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan “lulus” atau “kandas” sahaja.
4.4.2	TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan dengan kebenaran Fakulti kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Pelajar perlu melengkapkan tugas tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas pendaftaran semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan gred.
4.4.3	SM (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata penilaian tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapatkan ijazah. Unit dan nilai gred bagi kerja atau projek tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata nilai apabila simbol SM digantikan dengan gred.
4.4.4	U (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus itu tetapi nilai gred tidak diberikan dan simbol tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus itu.
4.4.5	TD (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri bagi sesuatu kursus dengan kebenaran pensyarah dan Dekan Fakulti selepas minggu ke empat (ke-4) hingga minggu ke lapan (8) sesuatu semester.
4.4.6	TP(Tanggung Peperiksaan) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah perenggan 8.3. Peperiksaan gantian hendaklah diadakan seberapa segera yang mungkin berdasarkan keadaan kesihatan pelajar.
5.	Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred (PNG)
5.1	Semua kursus akan diambil kira untuk mengira Purata Nilai Gred (PNG) Semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) kecuali kursus Universiti seperti pada perenggan 3.2.1.
5.2	Kursus-kursus yang mendapat gred “E” (gagal) juga diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi semester berkenaan.
5.3	Gred bagi kursus-kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi pelajar-pelajar yang mengulang dan dengan ini gred “E” (gagal) asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan tertakluk kepada perenggan 7.3.
5.4	Pelajar di benar mengulang kursus yang telah sedia lulus bagi tujuan memperbaiki

gred iaitu bagi kursus-kursus yang mendapat gred C-, D+ dan D sahaja. Hanya gred bagi keputusan peperiksaan yang terakhir sahaja diambil kira di dalam PNGK sementara gred asal kursus berkenaan digugurkan. Projek latihan ilmiah tidak termasuk di dalam peraturan ini.

5.5 PNG akan ditentukan mengikut kaedah di bawah:

5.5.1 Purata Nilai Gred (PNG) Semester

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester seperti pada perenggan 5.1 dan 5.3;

Rumus pengiraan PNG adalah seperti berikut:

$$\text{PNG} = \frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n G_i}$$

$$\sum_{i=1}^n G_i$$

yang mana

G = Nilai gred kursus ke-i

U = Unit kursus ke-i

n = Bilangan kursus yang telah diikuti pada semester

Contoh:

Semester				
Kursus	Gred	Nilai	Unit	Nilai Gred X
		Gred	Kursus	Unit Kursus
XA1013	A	4.00	3	12.00
XB1013	B+	3.33	3	9.99
XC1013	A-	3.67	3	11.01
XD1512	E	0.00	2	0.00
XE1512	D	1.00	2	2.00
Jumlah kecil			13	35.00
PNG Semester			=	$\frac{35.00}{13}$
			=	2.69

5.5.2 Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang telah diikuti tertakluk kepada perenggan 5.1 dan 5.3. Rumus pengiraan PNGK sama seperti rumus pengiraan PNG.

Contoh:

Semester I				
Kursus	Gred	Nilai	Unit	Nilai Gred X
		Gred	Kursus	Unit Kursus
XA1013	A	4.00	3	12.00
XB1013	B+	3.33	3	9.99
XC1013	A-	3.67	3	11.01
XD1512	E	0.00	2	0.00
XE1512	D	1.00	2	2.00
Jumlah kecil			13	35.00

Semester II				
Kursus	Gred	Nilai	Unit	Nilai Gred X
		Gred	Kursus	UnitKursus
XA1113	A	4.00	3	12.00
XB1313	B+	3.33	3	9.99
XC1153	C+	2.33	3	6.99
XD1363	A	4.00	3	12.00
XE1512	D	1.00	2	2.00
Jumlah kecil			14	42.98
Jumlah Besar			27	77.98

$$\text{Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)} = \frac{77.98}{27}$$

$$= 2.88$$

- 5.6 Fakulti-fakulti dibenar memasukkan pemberat dalam pengiraan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) Fakulti masing-masing untuk tujuan pengurniaan ijazah tertakluk kepada kelulusan Senat.

6. Syarat-syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian**6.1 Taraf Lulus:**

6.1.1 Seseorang pelajar dianggap lulus dan dibenar meneruskan pengajian jika mendapat PNGK 2.00 atau lebih (≥ 2.00).

6.2 Taraf Lulus Bersyarat:

6.2.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan diberi amaran jika mendapat PNGK di antara 1.00 dengan 1.99 ($1.00 \leq \text{PNGK} < 2.00$).

6.2.2 Seseorang pelajar tidak dibenarkan berada di dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut tidak termasuk semester pertama pengajiannya. Ini bermakna jika Pelajar masih memperoleh PNGK kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat 6.2.1, Pelajar akan dianggap gagal dan diberhentikan.

6.3 Taraf Gagal:

6.3.1 Seseorang pelajar dianggap Gagal dan diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 atau tidak memenuhi syarat-syarat yang tidak termasuk semester pertama pengajiannya disebutkan pada perenggan 6.2 di atas.

6.4 Penilaian PNGK bagi syarat-syarat 6.1, 6.2 dan 6.3 di atas akan hanya berkuatkuasa mulai semster kedua pengajian seseorang calon. Ini bermakna semua calon dibenar meneruskan pengajian ke semester kedua pengajiannya tanpa mengira keputusan peperiksaan semester pertamanya.

6.5 Penilaian Untuk Mendapatkan Ijazah

6.5.1 Seseorang Pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan ijazah Sarjanamuda dengan Kepujian:

6.5.1.1 mencapai PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada perenggan 5.1, 5.2 dan 5.3 di atas;

6.5.1.2 Mendapat sekurang-kurangnya satu ratus (100) unit kursus-kursus yang ditetapkan bagi program bukan profesional dan seratus sepuluh (110) unit kursus-kursus yang ditetapkan bagi program profesional atau sejumlah unit lain yang ditetapkan termasuk jumlah unit kursus-kursus Universiti seperti pada perenggan 3.2.1. Bagi tujuan ini, Pelajar dibenar untuk mengumpul unit tambahan dengan tujuan untuk meningkatkan PNGKnya. Ini boleh dilakukan dengan mendaftar kursus lain yang ditetapkan oleh Fakulti atau mendaftar semula kursus yang telah sedia lulus tertakluk kepada perenggan 5.4.

6.5.2 Pengurniaan Ijazah

6.5.2.1 Pengurniaan ijazah adalah mengikut kelas seperti berikut:

PNGK	Ijazah yang dikurniakan
3.70 – 4.00	Ijazah Sarjanamuda Kejuruteraan dengan Kepujian (Cemerlang)
2.00 – 3.69	Ijazah Sarjanamuda dengan Kepujian

- 6.5.2.2 Ijazah boleh dikurniakan kepada Pelajar yang telah:
 - 6.5.2.2.1 Memenuhi semua kehendak Akta Pengajian Sarjanamuda;
 - 6.5.2.2.2 Memenuhi semua kehendak Peraturan ini;
 - 6.5.2.2.3 Diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Jawatankuasa Pemeriksa dan disahkan oleh Senat;
 - 6.5.2.2.4 Menjelaskan segala bayaran yang telah ditetapkan.

7. Peruntukan-peruntukan Lain

- 7.1 Seseorang pelajar tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan sesuatu kursus sekiranya Dekan telah memperakui bahawa pelajar berkenaan telah tidak mengikuti sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus tersebut seperti yang ditetapkan oleh Fakulti.
- 7.2 Pelajar yang telah dikenal pasti oleh Fakulti untuk diberi bimbingan tambahan adalah diwajibkan menghadiri sesi bimbingan yang diatur oleh Fakulti masing-masing dan kegagalan menghadirinya boleh menjejaskan peluang mereka untuk mengambil peperiksaan.
- 7.3 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar akan dicatat di dalam rekod akademiknya.
- 7.4 Peperiksaan Ulangan Khas
 - 7.4.1 Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi Pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah. Peperiksaan tersebut hanya boleh diambil sekali sahaja dan permohonannya hendaklah dibuat dalam masa empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.
 - 7.4.2 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dengan disertakan bayaran yuran RM25/-. Apabila diterima sesuatu permohonan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dengan Fakulti, selepas berunding dengan Ketua Jabatan berkenaan, boleh mengaturkan peperiksaan tersebut.

8. Penggantungan Pendaftaran, Kebenaran Tidak Mendaftar dan Penangguhan Peperiksaan

- 8.1 Pertimbangan Untuk Penggantungan Pendaftaran
 - 8.1.1 Seseorang pelajar yang sakit untuk tempoh yang agak lama boleh diberi penggantungan pendaftaran untuk semester- semester tertentu oleh Dekan Fakulti dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti. Dalam kes-kes seperti ini perakuan daripada doktor-doktor Kerajaan, Pegawai Perubatan universiti atau Doktor Panel Universiti adalah diperlukan. Perakuan yang bukan daripada doktor Kerajaan, Pegawai Perubatan Universiti atau Doktor Panel boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu selepas pelajar berkenaan telah menjalani rawatan doktor berkenaan terlebih dahulu. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan doktor yang berkenaan.
 - 8.1.2 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada perenggan 8.1.1 di atas boleh juga diberi penggantungan pendaftaran untuk sesuatu semester

tersebut oleh Dekan Fakulti tertakluk kepada Dekan Fakulti berpuas hati bahawa masalahnya itu akan menjejaskan pembelajarannya pada semester berkenaan. Permohonan menggantung pendaftaran boleh dibuat sehingga minggu ke sepuluh (ke 10) sesuatu semester. Permohonan selepas minggu ke sepuluh (ke 10) tidak akan dipertimbangkan tetapi pelajar hendaklah memohon untuk menangguh peperiksaan.

8.1.3 Seseorang calon yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar disebabkan sakit atau menghadapi masalah lain yang boleh menjejaskan pembelajarannya, dibenarkan menggantung pendaftaran diri sebagai pelajar dengan syarat ia memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti dengan mengemukakan alasannya dalam tempoh 2 minggu dari tarikh kuliah bermula. Apabila diluluskan oleh Dekan Fakulti, calon dikehendaki membayar yuran pendaftaran yang ditetapkan untuk proses pendaftaran diri pelajar. Tempoh maksimum yang dibenarkan penggantungan pendaftaran diri adalah 2 semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh tersebut tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapatkan sesuatu ijazah.

8.2 Pertimbangan Untuk Tidak Mendaftar

8.2.1 Pelajar yang telah mendapat pengesahan daripada doktor bahawa ia telah hamil antara enam hingga tujuh (6 - 7) bulan pada waktu pendaftaran dinasihatkan tidak mendaftar pada semester tersebut.

8.2.2 Seseorang pelajar boleh dibenarkan oleh Dekan Fakulti untuk tidak mendaftar pada sesuatu semester dengan syarat ia memohon secara bertulis kepada Dekan dengan mengemukakan alasannya.

8.3 Pertimbangan Bagi Penangguhan Peperiksaan

8.3.1 Pelajar yang sakit atau menghadapi gangguan-gangguan lain sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan Fakulti dan disahkan oleh mesyuarat untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan berkenaan. Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan untuk sesuatu kursus berkenaan hendaklah dibuat dalam tempoh 48 jam selepas peperiksaan itu diadakan.

8.3.2 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan semester atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan pengesahan doktor yang merawat pelajar berkenaan, seperti pada perenggan 8.1.1 di atas. Permohonan atas sebab-sebab lain boleh dipertimbangkan atas budi bicara Dekan Fakulti dan disahkan oleh mesyuarat. Peperiksaan gantian boleh diatur berdasarkan kepada merit kes-kes tersebut.

8.4 Status Sebagai Seorang Pelajar Universiti

8.4.1 Pelajar yang telah diberi penggantungan pendaftaran dan kebenaran tidak mendaftar akan hilang tarafnya sebagai pelajar Universiti dan dengan demikian beliau tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan-kemudahan Universiti yang diberikan kepada pelajar sehingga beliau mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

8.5 Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Menggantung Pendaftaran/Tidak

Mendaftar

- 8.5.1 Tempoh yang terlibat dengan penggantungan pendaftaran/tidak mendaftar atas sebab-sebab kesihatan tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapatkan sesuatu ijazah.
- 8.5.2 Tempoh semester yang terlibat dengan penggantungan pendaftaran/tidak mendaftar atas sebab-sebab selain daripada kesihatan diambil kira (kecuali bagi tempoh dua semester yang pernah diambil dalam tempoh pengajian) sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah.
- 8.5.3 Tempoh penggantungan pendaftaran/tidak mendaftar tidak boleh melebihi dua semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum yang dibenarkan untuk menggantungkan pendaftaran ialah sebanyak empat (4) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

9. Penyimpanan Kertas-kertas Jawapan Peperiksaan dan Rayuan-rayuan Terhadap Keputusan Peperiksaan

- 9.1 Kertas-kertas Jawapan Peperiksaan
 - 9.1.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan Universiti hendaklah diserahkan kepada Ketua Jabatan untuk disimpan.
 - 9.1.2 Ketua Jabatan hendaklah menyimpan dengan selamat skrip jawapan itu untuk tempoh selama sekurang-kurangnya tiga bulan selepas pemberitahuan mengenai keputusan peperiksaan berkenaan dikeluarkan oleh Pendaftar.
 - 9.1.3 Tertakluk kepada perenggan 9.1.4, semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan dengan secepat mungkin selepas genap tempoh tiga (3) bulan seperti yang tersebut dalam Peraturan-peraturan di atas.
 - 9.1.4 Dalam kes-kes yang rayuan terhadap keputusan peperiksaan yang dibuat oleh seseorang pelajar, skrip-skrip jawapan berkenaan tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas Fakulti telah mengesahkan keputusan penyemakan semula.
- 9.2 Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus
 - 9.2.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Pendaftar oleh Pelajar yang berkenaan dalam masa dua (2) hingga empat (4) minggu kalendar selepas keputusan peperiksaan diumumkan. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberikan pertimbangan.
 - 9.2.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta disemak semula.
 - 9.2.3 Bayaran yuran sebanyak RM25/- bagi tiap-tiap satu kursus yang diminta disemak semula hendaklah disertakan dengan rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik.
 - 9.2.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti selepas berunding dengan Ketua Jabatan berkenaan boleh melantik suatu panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
 - 9.2.5 Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Ketua Jabatan, pemeriksa asal kursus

- berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang berkenaan.
- 9.2.6 Perakuan-perakuan panel pemeriksa hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti. Keputusan Fakulti mengenai penilaian semula kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat sebelum disampaikan kepada pelajar berkenaan, sekiranya ada perubahan.
- 9.2.7 Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan tersebut tidak boleh dilayan.
- 9.3 Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian
- 9.3.1 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan “Gagal dan diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.
- 9.3.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan dan setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran yuran \$25/-. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak boleh diberikan pertimbangan.
- 9.3.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Rayuan untuk mempertimbangkannya.
- 9.3.4 Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan sebagai Pengerusi, Timbalan Dekan yang berkaitan dengan Hal Ehwal Akademik Pelajar, Ketua Jabatan yang berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli Fakulti yang berkaitan dengan pengajaran/pembelajaran bagi pelajar serta Pendaftar atau wakilnya sebagai Setiausaha.
- 9.3.5 Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa-kuasa berikut:
- 9.3.5.1 Menerima atau menolak sesuatu rayuan;
- 9.3.5.2 Membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan;
- 9.3.5.3 Memperakukan kepada Fakulti keputusan yang telah dicapai terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan dan memperakukan, jika ada, rayuan yang tidak layak dipertimbangkan.
- 9.3.6 Perakuan yang dibuat oleh Fakulti mengenai perkara tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat untuk pengesahan.
- 9.3.7 Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak boleh dilayan.

10. Umum

- 10.1 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat dari semasa ke semasa hendaklah berkuat kuasa terhadap pelajar baru pada dan selepas tarikh berkuat kuasa.
- 10.2 Peraturan-peraturan sebelumnya hendaklah terus berkuat kuasa terhadap pelajar yang telah memulakan program pengajian mereka mengikut peraturan lama sebelum atau selepas tarikh berkuat kuasa dan sehingga semua mereka yang

- 10.3 layak untuk mendapatkan ijazah telah mendapat ijazah.
Senat boleh membenarkan apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada kehendak-kehendak Peraturan ini.

*Diperbuat oleh Senat Universiti Kebangsaan Malaysia
pada 13hb Ogos, 1990*

Penjelasan Kepada Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia

(Pengajian Sarjanamuda 1990) Untuk Pelajar-Pelajar Kejuruteraan

Perkara	Penjelasan
2.1.2.1	Pelajar mestilah lulus sekurang-kurangnya gred B dalam Matematik, Fizik dan Kimia dalam peperiksaan STPM atau sekurang-kurangnya Gred B dalam mata pelajaran Matematik, Kimia dan Biologi dan sekurang-kurangnya 4B dalam mata pelajaran Fizik di peringkat SPM.
2.1.3	Pelajar mestilah lulus sekurang-kurangnya gred B dalam Matematik, Fizik dan Kimia dalam peperiksaan matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau sekurang-kurangnya Gred B dalam mata pelajaran Matematik, Kimia dan Biologi dan sekurang-kurangnya 4B dalam mata pelajaran Fizik di peringkat SPM.
2.1.4	Memperolehi diploma yang baik dalam bidang Kejuruteraan/Sains dari institusi yang diiktiraf.
3.1	Mengikuti sekurang-kurangnya satu ratus dua puluh sembilan (129) unit kursus-kursus yang ditetapkan oleh Fakulti, kecuali Program Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik memerlukan sekurang-kurangnya 132 unit.
3.2	Kursus Pelajar dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang ditetapkan seperti berikut:
3.2.1	Kursus Universiti Pelajar dikehendaki mengikuti sejumlah
3.2.1.1	Sepuluh (10) unit kursus Pusat Pengajian Umum seperti yang ditetapkan oleh Senat seperti berikut:
3.2.1.1.1	Empat (4) unit kursus Pusat Penghayatan Falsafah Pendidikan berteraskan Nilai-Nilai Mulia Sejarah (U1) seperti berikut: i. Kenegaraan & Tamadun Islam(TITAS) ii. Peradaban iii. Sejarah Sains
3.2.1.1.2	Tiga (3) unit kursus (U2) Kemahiran Berfikir dan Berorganisasi.
3.2.1.1.3	Etika Kejuruteraan dan Perkembangan Teknologi (setara dengan U3)

- 3.2.1.2 Sekurang-kurangnya tiga (3) unit kursus Bahasa Inggeris untuk jurutera.
- 3.2.1.3 Dua (2) unit dari kursus ko kurikulum yang di- tawarkan oleh HEP
Kursus ini boleh didaftarkan di mana-mana semester pengajian dan akan diberikan gred seperti di dalam jadual PNG. Gred kursus ini akan diambil kira dalam pengiraan PNG.
- 3.3.1 Pelajar mestilah mengikuti kursus ijazah Sarjanamuda selama tidak kurang daripada tujuh (7) semester dan tidak melebihi daripada dua belas (12) semester dikira dari tarikh pendaftaran pertama untuk mendapatkan ijazah Sarjanamuda.
- 3.4.2 Pelajar dikehendaki mendaftar tidak kurang daripada dua belas (12) unit dan tidak lebih daripada sembilan belas (19) unit pada tiap-tiap semester. Pendaftaran kurang daripada dua belas (12) unit dan lebih daripada sembilan belas (19) unit hanya dibenarkan dengan kelulusan khas daripada Dekan.
- 4.4.2 Hanya kursus PROJEK II yang boleh diberikan gred SM dan perlu dilengkapi dalam semester berikutnya.
5. **Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred (PNG)**
- 5.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira Purata Nilai Gred (PNG) Semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) kecuali kursus-kursus berikut:
- ZH2073 English For Engineering
 - KF1333 Kemahiran Kejuruteraan
 - KF3065 Latihan Industri
- 6.6.1.2 Mendapat sekurang-kurangnya satu ratus dua puluh sembilan (129) unit atau sejumlah unit lain yang ditetapkan termasuk jumlah unit kursus-kursus Universiti seperti pada perenggan 3.2.1.
- 7.1 Telah mengikuti sekurang-kurangnya 80% dari keperluan kursus-kursus yang ditetapkan oleh Fakulti.
- 7.4.1 Semester terakhir bermaksud semester di mana pelajar telah mengambil semua keperluan kursus dalam pengajiannya.

sejumlah unit lain yang ditetapkan termasuk jumlah unit kursus-kursus Universiti seperti pada perenggan 3.2.1.

- 7.1 Telah mengikuti sekurang-kurangnya 80% dari keperluan kursus-kursus yang ditetapkan oleh Fakulti.
- 7.4.1 Semester terakhir bermaksud semester di mana pelajar telah mengambil semua keperluan kursus dalam pengajiannya.

Latihan Industri (Fakulti Kejuruteraan, UKM, 2007)

1. Objektif

Latihan Industri bertujuan untuk:

- (a) Untuk mendedahkan pelajar kepada amalan kejuruteraan yang spesifik dalam bidang pengkhususan masing-masing dan jenis industri yang dipilih,
- (b) Untuk mendedahkan pelajar kepada tanggungjawab sebagai jurutera dan profesyen kejuruteraan,
- (c) Untuk membentuk kemahiran komunikasi dalam kejuruteraan yang merangkumi interaksi harian dengan persekitaran kerja dan penulisan teknikal.

2. Tempoh

Tempoh latihan ini adalah sepuluh (10) minggu, iaitu pada cuti semester ke enam (6) pengajian pelajar.

3. Tanggungjawab

Apabila pelajar telah dihantarkan ke organisasi luar, ia akan bertanggungjawab sepenuhnya kepada organisasi berkenaan. Kelakuannya mestilah menurut skema kerja, syarat-syarat dan peraturan organisasi berkenaan. Sebagai contoh, pelajar hanya boleh bercuti setelah mendapat kebenaran organisasi berkenaan. Untuk memastikan keberkesanan penyeliaan oleh organisasi berkenaan, pelajar tidak diperlukan melapur kepada penyelia di universiti, kecuali apabila dikehendaki, seperti yang mungkin berlaku dari semasa ke semasa bagi tujuan penyelarasan. Walaupun pelajar akan tetap berdaftar dengan universiti semasa menjalani latihan, penilaian yang dibuat oleh pihak organisasi berkenaan ke atas dirinya setelah tamat latihan akan merupakan sebahagian daripada penilaian keseluruhan prestasi pelajar tersebut dan boleh mengakibatkan kelulusan atau kegagalan beliau dalam kursus berkenaan.

4. Penilaian

Pada penghujung tempoh latihan, organisasi yang bertanggung-jawab terhadap latihan pelajar akan dikehendaki membuat penilaian ke atas kelakuan dan prestasi pelajar tersebut semasa menjalani latihan. Untuk memastikan keseragaman, satu borang penilaian akan disediakan oleh pihak UKM dan pihak organisasi berkenaan hanya diperlukan menjawab beberapa soalan.

5. Penggredan

Perkara	Markah
a. Buku Log yang mengandungi catatan pelajar semasa menjalankan Latihan Industri dan kandungannya disahkan oleh majikan di industri	35%
b. Ringkasan Eksekutif yang disediakan oleh pelajar setelah tamat latihan	15%
c. Laporan Majikan menggunakan borang penilaian yang disediakan dalam Buku Log	30%
d. Komunikasi, Etika dan Profesionalisma, melalui pembentangan seminar oleh pelajar kepatuhan kepada segera arahan	20%

6. Kaedah Penilaian

(a) Buku Log

Buku Log digunakan untuk pelajar membuat catatan mengenai latihan dan sebagai sebuah rekod harian untuk kerja-kerja yang dilakukan semasa latihan. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk memasukkan semua catatan ke dalam Buku Log ini dan memastikannya sentiasa dikemaskini. Setiap catatan perlu disahkan oleh penyelia dengan kerap. Buku Log perlu mengandungi objektif setiap aktiviti harian, senarai peralatan yang digunakan, rajah-rajah aliran proses, carta alir, lakaran, data dan rajah-rajah litar yang berkaitan, keputusan dan hasil aktiviti tersebut, komen yang membina, analisis dan rujukan kepada buku teks, piawaian dan maklumat teknikal lain.

(b) Ringkasan Eksekutif

Ringkasan Eksekutif merupakan laporan ringkas tentang perkara-perkara yang dilaporkan dalam Buku Log. Ia adalah bertujuan untuk memberi latihan kepada pelajar untuk menulis laporan yang berkesan tentang aktiviti-aktiviti latihan industri yang diikuti. Pelajar juga diberi peluang untuk membuat penilaian tentang keberkesanan latihan yang telah diikuti.

(c) Laporan Majikan

Ini dinilai oleh penyelia di organisasi luar dengan mengisi borang yang telah disediakan. Skema markah juga adalah menurut skema yang telah dicadangkan dalam borang berkenaan. Di samping kaedah ini, penilaian juga dibuat oleh pensyarah yang melawat pelajar di industri berkenaan. Penilaian pensyarah akan berpandukan kepada temu bual yang dijalankan dengan penyelia, pelajar dan kakitangan lain seperti pengurus, pengarah industri berkenaan.

(d) Komunikasi, Etika dan Profesionalisma

Aspek ini diukur melalui pembentangan seminar oleh pelajar, serta kepatuhan kepada segala prosedur dan arahan penyelaras semasa proses permohonan dan penerimaan tempat latihan serta penyesuaian pelajar dengan persekitaran kerja di tempat latihan.

Berdasarkan kepada markah di atas pelajar akan diberi gred A, B, C atau E.

**Penjelasan Kepada Peraturan-Peraturan
Universiti Kebangsaan Malaysia**

**(Pengajian Sarjanamuda 1990)
Untuk Pelajar-Pelajar Seni Bina**

Perkara	Penjelasan
2.1.2.1	Calon-calon mestilah lulus sekurang-kurangnya gred B dalam Matematik, Fizik dan Kimia dalam peperiksaan STPM atau sekurang-kurangnya Gred B dalam mata pelajaran Matematik, Kimia dan Biologi dan sekurang-kurangnya 4B dalam mata pelajaran Fizik di peringkat SPM.
2.1.3	Calon-calon mestilah lulus sekurang-kurangnya gred B dalam Matematik, Fizik dan Kimia dalam peperiksaan matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau sekurang-kurangnya Gred B dalam mata pelajaran Matematik, Kimia dan Biologi dan sekurang-kurangnya 4B dalam mata pelajaran Fizik di peringkat SPM.
2.1.4	Memperolehi diploma yang baik dalam bidang Seni Bina/Sains dari institusi yang diiktiraf.
3.1	Mengikuti sekurang-kurangnya satu ratus dua puluh dua (122) unit kursus-kursus yang ditetapkan oleh Fakulti.
3.2	Kursus Calon-calon dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang ditetapkan seperti berikut:
3.2.1	Kursus Universiti Calon dikehendaki mengikuti sejumlah:
3.2.1.1	Sepuluh (10) unit kursus Pusat Pengajian Umum seperti yang ditetapkan oleh Senat seperti berikut:
3.2.1.1.1	Empat (4) unit kursus Pusat Penghayatan Falsafah Pendidikan berteraskan Nilai-Nilai Mulia Sejarah (U1) seperti berikut: i. Kenegaraan & Tamadun Islam(TITAS) ii. Peradaban iii. Sejarah Sains

- 3.2.1.1.2 Tiga (3) unit kursus (U2) Kemahiran Berfikir dan Berorganisasi.
- 3.2.1.1.3 Etika Kejuruteraan & Perkembangan Teknologi (setara dengan U3)
- 3.2.1.2 Sekurang-kurangnya tiga (3) unit kursus Bahasa Inggeris untuk arkitek.
- 3.2.1.3 Dua (2) unit dari kursus ko kurikulum yang ditawarkan oleh HEP
Kursus ini boleh didaftarkan di mana-mana semester pengajian dan akan diberikan gred seperti di dalam jadual PNG. Gred kursus ini akan diambil kira dalam pengiraan PNG.
- 3.3.1 Calon-calun mestilah mengikuti kursus ijazah Sarjanamuda selama tidak kurang daripada lima (5) semester dan tidak melebihi daripada sepuluh (10) semester dikira dari tarikh pendaftaran pertama untuk mendapatkan ijazah Sarjanamuda.
- 3.4.2 Calon-calun dikehendaki mendaftar tidak kurang daripada dua belas (12) unit dan tidak lebih daripada sembilan belas (19) unit pada tiap-tiap semester. Pendaftaran kurang daripada dua belas (12) unit dan lebih daripada sembilan belas (19) unit hanya dibenarkan dengan kelulusan khas daripada Dekan.
- 4.4.2 Hanya kursus PROJEK II yang boleh diberikan gred SM dan perlu dilengkapkan dalam semester berikutnya.
- 5. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred (PNG)
 - 5.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira Purata Nilai Gred (PNG) Semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) kecuali kursus-kursus berikut:
 - ZH2073 English For Engineering
 - KSB2245 Latihan Industri
- 6.6.1.2 Mendapat sekurang-kurangnya satu ratus dua puluh dua (122) unit atau sejumlah unit lain yang ditetapkan termasuk jumlah unit kursus-kursus Universiti seperti pada perenggan 3.2.1.
- 7.1 Telah mengikuti sekurang-kurangnya 80% dari keperluan kursus-kursus yang ditetapkan oleh Fakulti.
- 7.4.1 Semester terakhir bermaksud semester di mana pelajar telah mengambil semua keperluan kursus dalam pengajiannya.

Latihan Industri

1. Objektif

Latihan Industri bertujuan untuk:

- Mendedahkan pelajar kepada tanggungjawab arkitek dan etika seni bina.
- Mendedahkan pelajar kepada aspek-aspek amalan seni bina.
- Menanam kemahiran seni bina pada pelajar, termasuk kemahiran menulis laporan teknikal, komunikasi, penilaian teknikal dan reka bentuk.

2. Tempoh

Tempoh latihan ini adalah sepuluh (10) minggu, iaitu pada cuti semester ke empat (4) pengajian pelajar.

3. Tanggungjawab

Apabila pelajar telah dihantarkan ke organisasi luar, ia akan bertanggungjawab sepenuhnya kepada organisasi berkenaan. Kelakuannya mestilah menurut skema kerja, syarat-syarat dan peraturan organisasi berkenaan. Sebagai contoh, pelajar hanya boleh bercuti setelah mendapat kebenaran organisasi berkenaan. Untuk memastikan keberkesanan penyeliaan oleh organisasi berkenaan, pelajar tidak diperlukan melapur kepada penyelia di universiti, kecuali apabila dikehendaki, seperti yang mungkin berlaku dari semasa ke semasa bagi tujuan penyelarasan. Walaupun pelajar akan tetap berdaftar dengan universiti semasa menjalani latihan, penilaian yang dibuat oleh pihak organisasi berkenaan ke atas dirinya setelah tamat latihan akan merupakan sebahagian daripada penilaian keseluruhan prestasi pelajar tersebut dan boleh mengakibatkan kelulusan atau kegagalan beliau dalam kursus berkenaan.

4. Penilaian

Pada penghujung tempoh latihan, organisasi yang bertanggung-jawab terhadap latihan pelajar akan dikehendaki membuat penilaian ke atas kelakuan dan prestasi pelajar tersebut semasa menjalani latihan. Untuk memastikan keseragaman, satu borang penilaian akan disediakan oleh pihak UKM dan pihak organisasi berkenaan hanya diperlukan menjawab beberapa soalan.

5. Pengredan

Perkara	Markah
a. Buku Log yang mengandungi catatan pelajar semasa menjalankan Latihan Industri dan kandungannya disahkan oleh majikan di industri	60%
b. Laporan Majikan menggunakan borang penilaian yang disediakan dalam Buku Log	20%
c. Komunikasi, Etika dan Profesionalisma, melalui pembentangan seminar oleh pelajar kepatuhan kepada segara arahan	20%

6. Kaedah Penilaian

(a) Buku Log

Buku Log digunakan untuk pelajar membuat catatan mengenai latihan dan sebagai sebuah rekod harian untuk kerja-kerja yang dilakukan semasa latihan. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk memasukkan semua catatan ke dalam Buku Log ini dan memastikannya sentiasa dikemaskini. Setiap catatan perlu disahkan oleh penyelia dengan kerap. Buku Log perlu mengandungi objektif setiap aktiviti harian, senarai peralatan yang digunakan, rajah-rajah aliran proses, carta alir, lakaran, data dan rajah-rajah litar yang berkaitan, keputusan dan hasil aktiviti tersebut, komen yang membina, analisis dan rujukan kepada buku teks, piawaian dan maklumat teknikal lain.

(b) Laporan Majikan

Ini dinilai oleh penyelia di organisasi luar dengan mengisi borang yang telah disediakan. Skema markah juga adalah menurut skema yang telah dicadangkan dalam borang berkenaan. Di samping kaedah ini, penilaian juga dibuat oleh pensyarah yang melawat pelajar di industri berkenaan. Penilaian pensyarah akan berpandukan kepada temu bual yang dijalankan dengan penyelia, pelajar dan kakitangan lain seperti pengurus, pengarah industri berkenaan.

(c) Komunikasi, Etika dan Profesionalisma

Aspek ini diukur melalui pembentangan seminar oleh pelajar, serta kepatuhan kepada segala prosedur dan arahan penyelarass semasa proses permohonan dan penerimaan tempat latihan serta penyesuaian pelajar dengan persekitaran kerja di tempat latihan.

Berdasarkan kepada markah di atas pelajar akan diberi gred A, B, C atau E.